


Jilid I
Bil. 2



Hari Selasa
24hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 101]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 117]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Sabah).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 24hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TABUNG EKONOMI ISLAM

1. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan untuk perkembangan Tabung Ekonomi Islam dan kedudukan kemantapan kewangannya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan iaitu pada tahun 1977 Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah membuat keputusan untuk menjalankan projek-projek sebagaimana berikut:

- (1) Projek ekonomi di dalam bentuk perladangan kelapa sawit di Ulu Chukai di negeri Trengganu seluas kira-kira 10,000 ekar secara usahasama dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, Yayasan Islam Trengganu dan Yayasan Trengganu.
- (2) Projek kebajikan sosial di dalam bentuk pemberian biasiswa perubatan di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan sebagai permulaan yang bernilai \$2,600 setahun bagi tiap-tiap seorang.

Projek ekonomi tersebut di atas akan mengeluarkan hasil tanamannya mulai tahun 1982 dan 1983 dan dengan yang demikian yayasan tersebut akan memperolehi satu sumber kewangan yang tetap selama 25 tahun mulai ianya mengeluarkan hasil.

Di samping itu yayasan akan terus mengadakan kutipan-kutipan derma seperti yang dilakukan semenjak ianya ditubuhkan. Sempena itu pihak yayasan juga mengkaji projek-projek ekonomi yang lalu dan jika didapati menguntungkan akan dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan yayasan itu sendiri. Adalah diharapkan projek-projek ekonomi ini dapat dilaksanakan secara usahasama dengan Majlis Ugama Islam Negeri dan badan-badan Islamiah yang lain-lain di negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tabung ini juga dimaksudkan termasuk di dalam membantu kegiatan Dasar Ekonomi Baru kita yang dilancarkan sekarang?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu usaha di antara beberapa usaha-usaha yang lain yang diwujudkan oleh negara ini dalam bentuk agensi-agensi dan ini merupakan satu daripadanya untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Selain daripada itu suka saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah ini ada hubungannya dengan Islam maka harus kita sedar atau mengetahui bahawa Ugama Islam adalah ugama resmi Persekutuan Tanah Melayu yang dikanunkan dan termaktub di dalam Perlembagaan kita yang berbunyi:

(Dengan izin) "Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation."

Maksud Islam di situ amatlah luas. Islam membentuk seseorang, masyarakat atau negara dari segi rohaniah dan juga dari segi ekonomi. Jadi usaha ini juga termasuk di dalam semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini dan sejajar juga dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan sumber-sumber kewangan kepada tabung ini ialah datangnya daripada derma-derma. Selain daripada mengutip derma semasa mengutip fitrah, adakah rancangan-rancangan lain yang Kerajaan hendak aturkan bagi memperluaskan kutipan derma ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha kutipan derma yang kita telah dapat kira-kira \$750,000 belum ada lagi rancangan untuk kita mengutip derma daripada fitrah. Mungkin ini kita akan fikirkan kerana fitrah dan zakat itu merupakan satu sumber pendapatan selain daripada memberi bantuan kepada fakir dan miskin.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan tabung ini nyata, tetapi saya suka memajukan soalan pada Yang Berhormat Menteri. Nampaknya semenjak 20 tahun projek Tabung Ekonomi Islam ini dilaksanakan hanya mempunyai 1,000 ekar sahaja, tidakkah ada rancangan untuk meluaskan daripada 1,000 ekar itu kerana pada fikiran saya adalah amat sedikit sekali.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa 1,000 ekar itu tidak betul, apa yang saya kata tadi 10,000 ekar.

DASAR EKONOMI BARU—PENCAPAIAN BUMIPUTRA

2. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian bumiputra di dalam semua bidang termasuk sosio-ekonomi, pelajaran dan lain-lain lagi oleh sebab sewaktu pilihanraya umum baru-baru ini Parti-parti Pembangkang telah mengkritik Dasar Ekonomi Baru Negara yang hanya memberi keuntungan kepada golongan bumiputra yang berada sahaja dan bukan untuk Bumiputra keseluruhannya.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kritikal daripada semua golongan terhadap

apa-apa dasar yang dilaksanakan selagi kritikal itu membina dan berasas. Dalam hubungan ini suka saya menyatakan bahawa kritikal yang dibuat oleh Parti-parti Pembangkang mengenai perkara tersebut semasa Pilihanraya Umum baru-baru ini adalah tidak tepat, mengelirukan rakyat dan memesongkan daripada hakikat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya iaitu untuk memperbaiki taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Membasmi kemiskinan tidak bermakna tiap-tiap seorang yang miskin akan menjadi millionaire. Sebaliknya jika ada yang menjadi millionaire ini tidak bertentangan pula dengan pembasmian kemiskinan. Perhatian kepada beberapa orang yang kononnya menjadi millionaire sebagai tanda bahawa Dasar Ekonomi Baru gagal menunjuk mungkin perasaan iri hati atau sikap tidak suka melihat orang lain dapat nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru.

Langkah-langkah membasmi kemiskinan telah disusun melalui rancangan-rancangan pembukaan tanah, rancangan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan jalanraya, parit dan taliair, bekalan air dan letrik di luar bandar dan juga kemudahan-kemudahan pelajaran dan kesihatan. Semua rancangan tersebut adalah ditujukan kepada rakyat terutama mereka yang miskin. Sementara itu usaha-usaha menyusun semula masyarakat dilakukan melalui agensi-agensi Kerajaan untuk memegang amanah bagi pihak kaum bumiputra sehingga tiba masanya apabila pindah hakmilik boleh dilakukan. Melalui proses yang sama peluang-peluang yang baru dikesan untuk disertai oleh kaum bumiputra yang berkeupayaan dan berkemampuan menyertainya.

Dari segi peluang pekerjaan bagi bumiputra, terdapat perkembangan yang pesat terutama di pusat-pusat bandar dan di kawasan luar bandar melalui program perindustrian yang dijalankan oleh Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan berusaha untuk meningkatkan pekerjaan di kalangan golongan miskin di luar bandar dan di bandar.

Dalam hubungan ini pencapaian bumiputra dalam bidang sosio-ekonomi dapat diukur dengan kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan kerjasama yang diberi oleh mereka dalam mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah kerana iri hati sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bumiputra pada masa dahulu tidur dan tidak nampak kemajuan orang lain. Sekarang kita sudah nampak kemajuan-kemajuan orang lain, dengan sebab itu kita hendak melangkah ke hadapan. Jadi, pihak Pembangkang iri hati, dengki, khawatir dan takut yang bumiputra akan maju—termasuklah Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu—betulkah atau tidak begitu?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel:

"... minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berpuashati dengan pencapaian bumiputra di dalam semua bidang termasuk sosio-ekonomi, pelajaran dan lain-lain lagi oleh sebab sewaktu pilihanraya umum baru-baru ini Parti-parti Pembangkang telah mengkritik Dasar Ekonomi Baru Negara yang hanya memberi keuntungan kepada golongan bumiputra yang berada sahaja dan bukan untuk bumiputra keseluruhannya."

Ini soalan yang dibuat, dan saya tidak menganggap bahawa soalan ini dibuat oleh Tuan T. S. Gabriel kerana dianya tidak menyokong Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya beliau membuat teguran ini dan memberi peluang kepada saya menyatakan apa yang benar dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar ada sebilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak memahami akan tujuan semangat Dasar Ekonomi Baru, dengan sebab itu maka terlambatlah pencapaiannya kelak. Kalau Kerajaan sedar, apakah langkah yang akan dibuat dalam masalah ini?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar kemungkinan pegawai-pegawai Kerajaan tidak begitu memahami semangat Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana Kerajaan sedar sekarang ini Menteri-menteri telah diberi arahan supaya dengan sendirinya membuat tafsiran mengikut kehendak Kerajaan supaya pegawai-pegawai mereka dapat memahami apakah dianya Dasar Ekonomi Baru.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN— MUTU PERKHIDMATAN

3. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa mutu perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan adalah merosot dari masa ke semasa sehingga timbul berbagai kerumitan dari rakyat jelata; dan
- (b) jika ya, sama ada beliau bercadang supaya Lembaga Tatatertib Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan diberi kuasa untuk mengambil tindakan yang sewajar seperti memberhentikan perkhidmatan pegawai-pegawai yang tidak cekap dan membuat kesalahan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagai sebuah organisasi awam (public organisation) yang mempunyai tenaga kerja yang terbanyak sekali dalam negara ini, saya tidak menafikan bahawa kemerosotan mutu prestasi pegawai-pegawai awam dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka tidak berlaku. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa pada keseluruhannya mutu perkhidmatan awam pada masa sekarang adalah lebih rendah daripada masa dahulu. Untuk mengatasi masalah ini, berbagai-bagai kursus latihan dan seminar diadakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa bagi memperbaiki dan meninggikan lagi mutu prestasi pegawai-pegawai awamnya dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan lagi kepada rakyat jelata di negara ini. Di samping itu Kerajaan telah juga menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM) di Jabatan Perdana Menteri

yang ditugaskan bagi membawa perubahan dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan di semua peringkat sesuai dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang sudah berlipat ganda dan lebih kompleks. Sebenarnya, oleh kerana beberapa kemajuan dan perubahan dalam sistem pentadbiran negara yang telah berlaku sejak beberapa tahun yang lepas, jentera pentadbiran kita pada masa sekarang adalah lebih moden dan lebih berkesan jika dibandingkan dengan masa lima belas ataupun dua puluh tahun dahulu.

- (b) Mengenai tindakan tata tertib kepada pegawai-pegawai yang tidak cekap dan bersalah, sukalah saya memaklumkan bahawa Lembaga Tata tertib di peringkat Kementerian/Jabatan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Lembaga Tata tertib Perkhidmatan Awam, 1972, itu adalah mempunyai kuasa yang cukup untuk menjatuhkan hukuman-hukuman ke atas pegawai-pegawai awam yang didapati tidak cekap atau bersalah iaitu seperti yang telah diperuntukkan oleh Perintah Am Bab "D" 1969, dan ini termasuklah pembuangan kerja bagi kesalahan-kesalahan yang dianggap serius.

PELABURAN KERAJAAN DALAM PERNAS

4. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan Kerajaan dalam PERNAS sehingga tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan jumlah agensi atau anak syarikat yang telah ditubuhkan dan sama ada mereka ini tempatan atau dari luar negeri; dan
- (b) di antara agensi-agensi atau anak-anak syarikat ini berapa yang telah mendapat keuntungan atau mengalami kerugian dan jika mengalami kerugian apakah faktor-faktor yang menyebabkan kerugian itu.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), jumlah pelaburan Kerajaan dalam PERNAS sehingga hari ini ialah \$116.20 juta. PERNAS telah menubuhkan 8 buah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya

(wholly owned) oleh PERNAS. Kelapan-lapan buah anak syarikat itu telah pula menubuhkan anak-anak syarikat serta syarikat-syarikat bersekutu berjumlah 61 buah kesemuanya. Dari jumlah besar sebanyak 69 syarikat itu, 17 merupakan syarikat usahasama dengan pengusaha-pengusaha luar negeri dan bakinya, 52 buah, adalah syarikat-syarikat tempatan.

Mengenai soalan (b) pula, daripada 8 syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh PERNAS, sebanyak 6 buah syarikat telah mendapat keuntungan, dan hanya 2 sahaja mengalami kerugian pada ketika ini.

61 buah anak-anak syarikat yang lain itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu syarikat-syarikat yang merupakan pelaburan jangka pendek, dan syarikat-syarikat yang merupakan pelaburan jangka panjang.

Di antara syarikat-syarikat yang merupakan pelaburan jangka pendek, hampir kesemuanya telah menghasilkan keuntungan dan telahpun membayar dividen, seperti PERNAS-NEC, PERNAS-Plessey, PERNAS-MISC, Kontena Nasional, Malaysia National Reinsurance Berhad dan PERNAS Insurance Brokers.

Daripada syarikat-syarikat yang merupakan pelaburan jangka panjang, sebahagian telah menanggung kerugian. Sebab-sebab kerugian dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Di antara syarikat-syarikat itu ada yang baru sahaja ditubuhkan dan masih lagi dalam peringkat permulaan menjalankan usaha-usahanya.
- (ii) Ada syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan pengilangan atau "manufacturing base" yang bergantung sepenuhnya kepada pasaran dunia, iaitu "export oriented". Oleh kerana pertumbuhan ekonomi dunia tidak begitu menggalakkan semenjak beberapa tahun yang lampau, ini telah juga menjejaskan pasaran syarikat-syarikat yang "export-oriented" itu.
- (iii) Kebanyakan daripada syarikat-syarikat itu adalah syarikat-syarikat kecil di mana PERNAS hanya mempunyai saham bersekutu, tetapi tiada kawalan penuh mengenai pengurusan syarikat-syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada syarikat-syarikat tersebut, seperti Goodyear, Far Eastern Hotels

Development Berhad dan Malayawata telah mulai menunjukkan keuntungan yang menggalakkan.

Pada keseluruhannya, pelaburan Kerajaan dalam PERNAS bukan sahaja telah mendatangkan keuntungan, bahkan telah dapat meninggikan lagi nilai harta sokongan (net asset backing) daripada pelaburan-pelaburan tersebut.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adalah amat membanggakan setelah mendengar penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan perjalanan PERNAS. Tetapi saya suka memajukan pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di antara 69 syarikat PERNAS sekarang 8 syarikat adalah dimiliki sepenuhnya oleh PERNAS sebagaimana yang kita harapkan seluruh rakyat, khususnya bumiputra supaya PERNAS dapat menunjukkan kemajuan yang baik, tetapi dalam penerangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada 8 syarikat yang dimiliki penuh oleh PERNAS itu, 6 buah sahaja yang beroleh keuntungan tetapi malangnya tak tahu berapa banyak untung dan dua buah lagi rugi. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan kalau dicampurkan 6 buah yang untung dan 2 buah yang rugi, adakah dia jadi rugi dalam 8 syarikat PERNAS ini ataupun untung.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu berkehendakkan jawapan yang butir. Kalau diberi notis, insya Allah saya akan terangkan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangat gembira atas jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam soalan ini, tetapi saya gemar menyusulkan dengan soalan tambahan melihatkan banyaknya kegiatan PERNAS ini, iaitu lebih kurang 69 buah syarikat, adakah Kerajaan bercadang hendak menambah lagi modalnya kepada PERNAS, itu pertama.

Yang kedua, kita lihat dalam keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dua (2) syarikat pada masa ini menempuh kerugian. Dengan kerugian ini adakah Kerajaan bercadang kita tutup sahaja yang 2 syarikat ini.

Yang ketiga, adakah Kerajaan sedar bahawa banyak pemborong-pemborong bumiputra yang berkehendakkan kepada salah sebuah anak syarikat PERNAS ini berhubung dengan barang-barang binaan tidak dapat ditunaikan. Adakah Kerajaan sedar hal ini, kalau sedar apa langkah yang sedang dibuat sekarang.

Perdana Menteri: Berkenaan dengan soalan yang pertama, iaitu sama ada Kerajaan akan menambah modal, itu bergantunglah kepada keadaan-keadaan, tetapi sebagai umumnya dasar Kerajaan ialah berkehendakkan perbadanan semacam PERNAS ini dengan bantuan yang ada setakat ini berikhtiar menjalankan perniagaan-perniagaan dan berharap dapat keuntungan dan dalam pada itu membesarkan lagi kegiatan-kegiatan dan perniagaannya dan diharapkan tidak akan berkehendak pertolongan daripada Kerajaan lagi. Saya menyebutkan perkara ini ialah oleh kerana kita memang bercermat dan mengawasi sangat berkenaan dengan dasar kita memberi subsidi atau pertolongan kepada badan-badan, terutama badan-badan yang sudah lama ditubuhkan dan yang patut pada masa yang tertentu dan beberapa tahun boleh berdiri di atas kaki sendiri, itu dasar yang ada.

Berkenaan dengan anak-anak syarikat yang mengalami kerugian, ini terlampau awal hendak saya memberi jawapan yang tepat sama ada ditutup atau tidak. Ini terpulanglah kepada keadaan dan tentu bagi Pengurus-pengurus PERNAS akan menengokkan keadaan ini dan jika perlu tentulah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Soalan yang ketiga saya tak berapa faham maksudnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah anak-anak syarikat PERNAS ini telah membuat satu tanggungjawab membekalkan bahan-bahan binaan seperti besi, simen kepada pemborong-pemborong, khususnya kepada pemborong-pemborong bumiputra? Adakah Kerajaan sedar bahawa permintaan daripada pemborong bumiputra dalam bahagian binaan ini tidak dapat dilayan oleh PERNAS, dengan sebab itu berbagai kegadalaan kepada pemborong kita. Kalau Kerajaan sedar, apa langkah yang sedang diambil untuk mengatasi hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak berkaitan dengan pertanyaan asal.

Perdana Menteri: Memang tidak ada kaitan.

HOSPITAL BESAR, KUALA TRENGGANU

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan Menyatakan:

- (a) apakah sebabnya terdapat kelewatan di dalam pelaksanaan kerja memperbaiki Hospital Besar, Kuala Trengganu, sungguhpun peruntukan telah lama diluluskan;
- (b) mengapakah terdapat kekurangan bilangan doktor pakar (seperti pakar penyakit kulit dan lain-lain) di Hospital Besar Kuala Trengganu dan menyebabkan pesakit-pesakit dari Trengganu pergi mendapat rawatan kepakaran di Hospital Besar, Kuantan, Pahang, atau Hospital Besar Kota Bharu, Kelantan dan apakah tindakan Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) adakah beliau sedar bahawa keadaan wad Kelas Satu dan VIP di Hospital ini tidak sejajar dengan tarafnya dan bayaran wad yang dikenakan ke atas pesakit-pesakit adalah sama dengan yang dikenakan bagi wad Kelas Satu dan VIP di negeri-negeri lain dalam Malaysia, jika ada, mengapa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ingin saya menjelaskan bahawa projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebuah hospital baru yang mempunyai 9 tingkat dan bukannya tambahan kepada hospital yang sedia ada. Kedudukan projek sekarang ini adalah pelan tapak telah dipersetujui dan ditandatangani oleh Kementerian Kesihatan dan kerja-kerja ukur dan penyiasatan tanah tapak telah selesai pada awal bulan ini. Adalah dijangkakan rekaan "piling" dan "sub-structure" akan disiapkan pada penghujung bulan November, 1978 dan kerja-kerja cerucuk akan bermula pada bulan Mac, 1979 selepas musim tengkujuh.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan satu-satu projek yang besar seperti Hospital Besar di Trengganu ini akan menelan belanja berpuluh-puluh juta ringgit, mestilah dirancang

dengan teratur dan teliti daripada semua aspek supaya dapat menentukan bahawa objektif pembinaan hospital ini dapat dipenuhi dan wang yang begitu banyak digunakan tidak akan menjadi sia-sia. Oleh itu, ianya mesti mengambil masa begitu panjang untuk merencangkannya. Pihak perancang mestilah menentukan kesesuaian tapak bangunan, menyediakan rekabentuk, perlantikan juru perunding, menyiapkan tender dan lain-lain lagi.

Menyedari bahawa pembinaan Hospital Besar ini akan mengambil masa begitu lama, maka pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah yang perlu untuk mengatasi masalah semasa dengan menambah kepada hospital yang ada sekarang ini tiga wad baru yang mempunyai lebih kurang 100 katil, Pejabat Pesakit yang telah siap pada hujung tahun 1977 dan satu Yunit Kesihatan Penyakit Otak dan selain dari itu, pihak Kementerian sedang merancang dengan aktifnya pembinaan sebuah wad kanak-kanak yang boleh membuat lebih kurang 30 katil dan juga rumah kediaman untuk doktor-doktor pelatih dan doktor-doktor yang bertugas di hospital tersebut yang mana akhirnya akan menjadi sebahagian dari kompleks hospital baru nanti.

- (b) Saya ingin memaklumkan bahawa oleh kerana kekurangan doktor-doktor pakar penyakit kulit di negara ini, perjawatan yang diwujudkan adalah 5 sahaja bagi seluruh Malaysia. Lima perjawatan ini adalah berdasarkan kepada hospital-hospital dirantau (regional hospitals) seperti berikut:

Hospital Besar Kuala Lumpur
Hospital Besar Pulau Pinang
Hospital Besar Ipoh
Hospital Besar Johor Bahru
Hospital Besar Kota Bharu.

Apabila kedudukan bilangan doktor-doktor pakar penyakit kulit ini diperbaiki, Kementerian Kesihatan akan menempatkan seorang doktor pakar penyakit kulit di Hospital Besar, Kuala Trengganu. Buat sementara ini, doktor pakar penyakit kulit dari Kota Bharu ada membuat lawatan ke Hospital Besar Kuala Trengganu sebulan sekali.

- (c) Saya sedar bahawa keadaan wad Kelas Satu dan VIP di Hospital Besar, Trengganu tidak sejajar dengan tarafnya dan oleh yang demikian, satu rancangan pembangunan untuk memperbaiki keadaan di wad Kelas Satu sedang ditimbang. Ini ialah satu rancangan sementara sehingga hospital baru disiapkan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana tarafnya sesebuah hospital itu boleh mendapat hak wad Kelas I dan wad Kelas VIP?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hospital itu memang kita sediakan wad Kelas I dan kalau perlu wad Kelas VIP untuk pesakit-pesakit yang patut menerima taraf ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah di tiap-tiap hospital atau tiap-tiap rumah sakit?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung dengan keadaan tetapi biasanya kita meletakkan wad-wad yang dimaksudkan itu di hospital-hospital yang besar tidaklah di hospital-hospital yang kecil. Hospital Daerah juga jarang-jarang kita meletakkan wad Kelas VIP, tetapi ini bergantung dengan keperluan yang kita fikir patut sama ada satu hospital itu dilengkapi dengan wad VIP atau tidak.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di dalam masalah (c) ini ialah oleh kerana hospital yang dicadangkan itu lambat, jadi di Kuala Trengganu ada wad Kelas I dan Kelas VIP, tetapi tentang bayarannya kadang-kadang orang yang duduk di Kelas I itu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar dia duduk di Kelas II tetapi kena bayar Kelas I hanyalah semata-mata makanan sahaja diberikan untuk makanan Kelas I, tetapi dia kena duduk di Kelas II dan Kelas II yang ada sekarang inipun kalau dipandu dengan hospital yang sebenar yang dicadangkan ataupun yang dirancangan itu tidak merupakan Kelas II tetapi Kelas III atau Kelas IV sahaja. Tidakkah bermakna orang-orang yang membayar ini teraniaya? Kalau dia dimasukkan di Kelas III, apa sebabnya dia dinamakan di Kelas I, jadinya dia Kelas III, hanyalah dengan rupa makanan itu sahaja dia dibayar begitu?

Yang keduanya berkenaan dengan doktor-doktor pakar tadi. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu kedudukan negeri Trengganu, di antara tiga buah negeri iaitu Kelantan dan Pahang, Trengganu di tengah-tengah. Jadi, apa sebabnya doktor-doktor pakar ini diletakkan di Kuantan, Pahang dan tidak di Kuala Trengganu? Kalau sekiranya diletakkan di Kuala Trengganu bukankah bagus, dia boleh berulang ke Pahang, boleh berulang ke Kelantan tetapi oleh kerana diletakkan di Kelantan, jadi menyusahkan sahaja.

Kalau doktor pakar seumpama pakar kulit tadi, kalau dia duduk di Kota Bharu dia terpaksa pula pergi ke Kuala Trengganu dan pergi pula ke Pahang. Kalau diletakkan di Pahang dia terpaksa pergi ke Kuala Trengganu dan pergi pula ke Kelantan. Tetapi kalau diletakkan di Kuala Trengganu bukankah bagus? Sekali ke Kuantan, sekali ke Kelantan. Tidakkah ini adil?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bagus cadangan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai pesakit-pesakit Kelas III diminta bayaran Kelas I ini saya tidak menyedari, kalau sekiranya ada pesakit-pesakit yang tinggal di Kelas III tetapi diminta bayaran Kelas I, saya rasa itu tidak adil. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai kes-kes yang tertentu, saya ingin mendapat maklumat supaya perkara ini akan dapat kita siasat dan diperbetulkan.

Selain daripada itu, mengenai soal meletakkan pakar-pakar apa sebabnya tidak di Kuala Trengganu dan semestinya di Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang adalah sebab-sebab yang tertentu yang saya sendiri tidak mengetahui setakat ini. Faktor-faktor yang mendorong pihak Kementerian meletakkan specialist ini di Kelantan ataupun di Kota Bharu dan bukan di Kuala Trengganu, mungkin daripada segi kemudahan (facilities) yang ada di sana, sama ada daripada segi facilities ataupun supporting facilities dan juga mungkin daripada banyak pesakit yang datang dari kawasan itu. Itu mungkin satu daripada sebabnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah apa-apa perbezaan tentang rawatan dan perubatan antara pesakit yang duduk di Kelas III dengan Kelas VIP dan Kelas I, padahal nisbah sakit itu adalah sama. Mengapakah perbezaan itu dibuat?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi rawatan, saya rasa tidak ada perbezaan, tetapi perbezaan yang ada sedikit ialah daripada segi makanan dan privacy. Itu biasa berlaku dalam satu-satu hospital.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, jika kami sebelah sini bertanya mungkin atau tidak, maka Menteri akan menjawab betul. Jadi dengan sebab itu, saya hendak bertanya mungkin atau tidak—saya kata mungkin—sekiranya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi oleh sebab Trengganu duduknya di tengah antara Pahang dan Kelantan, mungkin atau tidak pada masa akan datang difikirkan oleh Kementerian Kesihatan diletakkan pakar itu di Kuala Trengganu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bukan mungkin lagi, seperti mana saya jawab tadi, kalau ada pertambahan pakar kulit, kita akan meletakkan di Kuala Trengganu. Tetapi masalahnya pada masa ini kita sangat berkurangan pakar dalam bidang ini.

SEPANDUK/POSTER DALAM PILIHANRAYA

6. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mencadangkan supaya diharamkan sepanduk-sepanduk dan poster-poster dalam masa kempen pilihanraya akan datang kerana dengan adanya sepanduk-sepanduk itu maka selalu telah terjadi pergaduhan di antara pekerja-pekerja di antara parti.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam masa kempen pilihanraya, sepanduk-sepanduk serta poster-poster adalah merupakan alat komunikasi yang berkesan dan menerusinya pengundi-pengundi akan memperoleh maklumat mengenai pilihanraya dan juga mengetahui dan mengenali calon-calon yang akan bertanding. Memang telah berlaku kejadian mengoyak atau merosakkan poster dan sepanduk yang menyebabkan pergaduhan dan perselisihan di antara pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong parti. Walau bagaimanapun perselisihan ini amat

kecil bilangannya dan tidaklah memadai bagi Kerajaan bertindak mengharamkan penggunaan sepanduk-sepanduk dan poster-poster sama sekali dan pihak Polis menyiasat sekiranya laporan dibuat mengenai kejadian demikian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Dalam pada itu semasa kempen pilihanraya berjalan, pihak Polis sentiasa sedaya yang dapat mengadakan pengawasan yang rapi bagi mengelakkan perkara seperti ini berlaku.

Memandangkan mustahaknya sepanduk-sepanduk dan poster-poster dalam masa kempen pilihanraya tadi maka Kerajaan tidaklah berhajat hendak mengharamkan penggunaannya buat masa ini.

PERUSAHAAN KAIN SONGKET

7. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa perusahaan kain songket di Trengganu dan Kelantan sekarang ini terancam dan menghadapi zaman yang pudar, jika ya, nyatakan:

- (a) apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk menyelamatkan perusahaan ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukannya dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat; dan
- (b) usaha-usaha yang telah dibuat oleh agensi-agensinya Kerajaan untuk mencari jalan mempelbagaikan kegunaannya di dalam dan di luar negeri.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Kementerian saya sedar di atas keadaan berhubung dengan perusahaan songket. Ini adalah disebabkan oleh fesyen pakaian dan bahan mentah. Kain songket mempunyai pasaran yang terhad dan kepada orang-orang Melayu sahaja iaitu untuk pakaian di masa-masa yang tertentu. Tambahan pula trend fesyen pakaian sekarang ini tidak menggunakan banyak bahan songket. Bahan-bahan mentah yang digunakan untuk kain songket ialah kain sutera dan benang-benang emas dan perak. Bahan-bahan ini diimport daripada luar negeri dan mahal harganya. Ianya menyebabkan harga songket menjadi mahal dan jauh daripada kemampuan kebanyakan daripada pengguna-pengguna. Tindakan sedang diusahakan oleh

Lembaga Kraftangan Malaysia di Pusat Kraftangan dengan cara penyelidikan di atas cara-cara membuat songket dan memberi latihan dan nasihat-nasihat teknik kepada perusahaan-perusahaan yang sedia ada.

Pihak MARDI sudah membuat percubaan mengenai pengeluaran benang sutera untuk dijadikan kain sutera yang digunakan di dalam perusahaan songket ini. Pihak Lembaga Kraftangan Malaysia juga sedang menjalankan kegiatan ujian pasaran mengenai kain songket ini untuk digunakan bagi membuat evening gown, wall hanging dan lain-lain. Pertunjukan fesen sebagai satu cara penggalakan penjualan dan pengiklanan juga diadakan. Ini dikendalikan oleh Pusat Jualan Lembaga Kraftangan Malaysia di Singapura.

Usaha-usaha juga dijalankan untuk mendapatkan pasaran yang tersedia ada seperti penggunaan bengkung oleh MAS, jubah oleh universiti-universiti di dalam negeri dan lain-lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa pengusahapengusaha dan pekerja-pekerja kain songket daripada Kelantan dan Trengganu telah dibawa oleh peniaga daripada Singapura supaya membuat kain songket di Singapura. Apakah langkah Kementerian ini mengatasi dan bolehkah dibuat satu tindakan mencegah supaya kain songket daripada Kelantan dan Trengganu ini tidak menerima persaingan?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar pekerja-pekerja kain songket ada berhijrah ke Singapura.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (23hb Oktober, 1978.

3.16 *ptg.*

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung ucapan saya semalam, saya ingin mengambil peluang untuk memberi sedikit penjelasan atas soal yang saya kemukakan iaitu soalan yang kedua yang diberi jawapan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik, for whom I have the highest respect—he has known me very well because both of us have served together as M.P.s. in the Lower House.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah ayat itu, ucaplah dalam Bahasa Kebangsaan, tak payah menggunakan bahasa lain.

Tuan T. S. Gabriel: Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik adalah seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi dan saya menghormati beliau dengan setinggi-tingginya. Saya pandang beliau sebagai seorang sahabat saya dan beliau kenal saya selama lima tahun semasa saya menjadi Ahli Dewan Rakyat daripada tahun 1969 hingga 1974 dan beliau tahu saya ialah seorang yang bukan bumiputra dan biasa menyokong dengan sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dan kali ini dengan amat dukacitanya Yang Berhormat Senator berkenaan telah tersilap faham soalan asal saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya yang tinggal semalam dan saya mencadangkan kepada Kerajaan untuk memberi kuasa yang sepatutnya kepada Ahli-ahli

Parlimen. Saya bukan mencadangkan kuasa yang diberi kepada Polis ataupun Tentera diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, jahanam negara kita ini, atau kuasa-kuasa yang diberikan kepada Senator di Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat sistem Parliamentary Democracy amat berlainan daripada sistem yang kita ada di sini. Sungguhpun kita diberi kehormatan yang tinggi tetapi Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator tidak dipandang begitu serius semasa mereka menjalankan tugas, semasa mereka ingin menyatakan sesuatu masalah yang mereka hadapi, masalah rakyat yang mereka hadapi.

Kerajaan Dato' Hussein Onn telah memberi amaran kepada Ahli-ahli Parlimen. Ahli-ahli Parlimen mestilah mengambil cadangan saya ini dengan amat serius untuk mengkaji apakah sepatutnya kuasa diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan kita Ahli-ahli Parlimen memang ada kuasa. Kuasa itu Ahli-ahli Parlimen mesti merasainya dan juga rakyat mesti merasai kuasa itu. Saya memang ada kuasa bila menghadiri jamuan saya diberi cukup kehormatan. Saya boleh pergi di mana sahaja saya suka, masuk hospital perjalanan dengan keretapi atau dengan penerbangan saya mendapat kehormatan. Itu bukan kuasa, kuasa yang terpenting ialah untuk menyelesaikan masalah demi kepentingan rakyat dan negara.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum kehidupan dan masa perkhidmatan seseorang ahli politik adalah sukar hendak ditentukan seperti lautan berombak, ada yang ditiup oleh angin dan ada yang kekal dengan ombak hingga dapat melicinkan batu-batu di sekitarnya, tetapi betapa pendeknya masa di lautan itu, dia mesti berjuang secara berkesan untuk menepati janji-janji terhadap rakyat dalam kawasannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting saya ingin membawa untuk perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu perhubungan antara Ahli-ahli Parlimen serta Senator-senator dengan pegawai-pegawai Kerajaan pada masa ini bukanlah begitu rapat, ada banyak red tape-nya. Jika mengikut kehendak-kehendak rakyat, sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan tidak memberikan sokongan dan kerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen masa menjalankan tugas bagaimanakah Ahli-ahli Parlimen diberi peluang untuk menyelesaikan masalah

rakyat? Saya harap pegawai-pegawai Kerajaan akan memberi kerjasama yang cukup pada masa akan datang kepada Ahli-ahli Parlimen. Inilah yang penting dalam sebuah negara yang mempunyai demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya tidak membuat perbezaan antara kaum di dalam bidang pelajaran dan pekerjaan sebab dengan cara ini sahaja kita boleh menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat. Ini amat penting untuk sebuah negeri yang kecil dan sedang membangun di peringkat pelajaran, pekerjaan, menggalakkan dan memberi peluang yang cukup kepada semua rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum iaitu negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Masa kita menerima negara ini daripada penjajah British yang menjajah negeri ini lebih kurang 100 tahun, kita terima negara ini dengan tanah kosong dan hutan sahaja. We received a flat and empty country. from our colonial masters. For more than 100 years, we have been suppressed, we have been oppressed, we have been humiliated, we have been slaved by our colonial masters. Tuan Yang di-Pertua, so much has been said and done within a short period of 21 years after having obtained independence by the Tunku and later, the late Tun Abdul Razak had been able to reshape the entire country from what it was to what it is.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru. Selepas tahun 1957 Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengadakan berbagai-bagai pembangunan tetapi dasar-dasar Kerajaan tidak membawa negara ini ke mana-mana dengan memuaskan semua hal sehinggalah tahun 1971 di mana Kerajaan dapat mengadakan Dasar Ekonomi Baru. Tahun 1971 baharulah Kerajaan merasai dasar-dasar yang lama itu tidak boleh digunakan jika betul-betul negara ini hendak dimajukan di masa hadapan. Oleh sebab seperti saya katakan tadi dalam masa penjajahan British hanya satu kaum sahaja yang tertinggal di belakang lebih kurang 100 tahun. Peluang memang ada tetapi tidak ada pemimpin atau ketua untuk menggalakkan kaum bumiputra untuk mengambil bahagian dalam segala peringkat sehinggalah tahun 1971 Kerajaan terpaksa membuat dasar di mana peluang-peluang di segala peringkat diberi kepada kaum bumiputra untuk meninggikan

taraf hidup mereka. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, semenjak saya menjadi seorang ahli politik dan seorang Ahli Dewan Rakyat dan sekarang ini Senator tiap-tiap kali mesyuarat Parlimen cuma Ahli-ahli Parlimen bumiputra sahaja bercakap untuk kaum bumiputra. Saya mengesyorkan kepada Ahli-ahli Parlimen, ketua-ketua pemimpin parti bukan bumiputra supaya mereka terang-terang menyokong Dasar Ekonomi untuk menggalakkan kaum bumiputra bangun bersama-sama. Tuan Yang di-Pertua, whether you like it or not untuk masa hadapan. . .

Tuan Yang di-Pertua: Minta izin jikalau hendak bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, untuk kebajikan dan hari hadapan masing-masing yang bukan bumiputra, kita mesti menyokong Dasar Ekonomi Baru untuk kebajikan kaum bumiputra. Ini penting. Saya sokong Dasar Ekonomi Baru di mana Kerajaan memberi segala peluang kepada kaum bumiputra untuk kepentingan diri kaum India sendiri dalam Malaysia. Saya harap ini difahami oleh pemimpin-pemimpin dalam negara ini dan jangan kita tolak usul ini kepada Perdana Menteri atau pemimpin-pemimpin bumiputra sahaja. Ini yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting sekali ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh tentang penyeludupan dadah yang sering berlaku di dalam negara ini. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan yang penting dan harap Menteri yang berkenaan akan menjawabnya.

Bagaimanakah penyeludupan dadah jenis heroin secara besar-besaran telah dikeluarkan daripada negara ini ke negara-negara luar tanpa diketahui oleh pihak-pihak yang berkenaan, iaitu pegawai-pegawai Kastam, pegawai-pegawai Imegeresen, Pegawai-pegawai Pencegah Dadah dan lain-lain agensi-agensi di luar negeri? Rakyat sedang tertanya-tanya apakah yang sedang berlaku di tempat-tempat pemeriksaan lapangan terbang-lapangan terbang dan pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

Bagaimanakah dua motorkar jenis Volkswagen telah dihantar atau dibawa ke England oleh seorang atau sebilangan warganegara Malaysia dan didapati oleh pegawai Kastam British bahawa kedua-dua kereta tersebut

mengandungi dadah heroin yang telah disematkan di dalam tayarnya yang berharga \$27 juta? Selain daripada itu, dua lagi warganegara Malaysia telah ditangkap di Lapangan-terbang Rome, Italy, di mana pegawai-pegawai Kastam di sana telah mendapat 23 paun dadah jenis heroin berharga \$70 juta tersembunyi dalam beg-beg kain baju yang dibuat khas untuk menyeludup dadah. Rakyat sedang bertanya kenapakah kenderaan-kenderaan yang akan dihantar atau dibawa ke luar negeri tidak diberi pemeriksaan yang lebih berkesan memandang kepada Kempen Pencegah Dadah yang telah dilaksanakan?

Aktiviti-aktiviti penyeludupan tersebut telah mencemarkan nama baik negara kita. Saya dengan hormatnya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut dan mengkaji semula tempat-tempat pemeriksaan dan menambahkan pengawalan, jika perlu. Apakah jenis benda ini yang berharga?—23 paun heroin berharga \$70 juta. Apakah benda ini, Tuan Yang di-Pertua? Bukankah benda yang berharga ini sia-sia oleh sebab tidak boleh digunakan untuk kebaikan manusia?

Saya harap ahli-ahli sains di mana sahaja akan mengambil berat dan mengkaji sedalam-dalamnya dadah jenis heroin ini dan membentuk atau menjadikannya satu benda yang boleh digunakan untuk kebaikan manusia di dalam dunia. Perkara ini memang sukar bila difikirkan, tetapi memandang kepada harga dan pasarannya, saya harap agar kita harus berbuat sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan kepada Majlis ini bahawa Ketua Polis Negara telahpun menyatakan di dalam persidangan akhbar baru-baru ini yang 40% daripada belia yang ditangkap dalam kes-kes jenayah adalah terlibat dengan dadah. Bolehkah negara yang berumur baru 21 tahun dan sedang membangun mengandungi penyakit ini sebegitu teruk? Di arah manakah kita hendak menuju, Tuan Yang di-Pertua? Dengan segala hormatnya sekali lagi saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengambil berat tentang amaran-amaran yang telah diberi oleh Ketua Polis Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya bercakap tentang Radio dan Televisyen Malaysia Kita semua mempunyai dua channel iaitu Network One dan Network Two di mana Peristiwa dan Berita disiarkan bersama-sama dalam satu masa di kedua-dua Channel. Saya

tahu dan faham Kerajaan atau Kementerian berkenaan ingin menggalakkan orang ramai untuk mengetahui Bahasa Kebangsaan lebih, tetapi saya cadangkan jikalau Kerajaan betul-betul ingin menggalakkan rakyat mempelajari bahasa hendaklah diadakan satu program belajar Bahasa Kebangsaan dalam TV, dan jangan ganggu kedua-dua siaran talivisyen di kedua-dua Channel itu dengan satu perkara. Saya tidak dapat peluang untuk menengok lain-lain hiburan. Saya dipaksa menengok Peristiwa di kedua-dua Channel, saya dipaksa menengok atau mendengar Berita di kedua-dua Channel. Sepatutnya rakyat diberi peluang dalam peringkat hiburan dengan pure and simple hiburan dan jangan dipaksa rakyat mesti mendengar Warta Berita di kedua-dua Channel. Jikalau tidak suka tutup. Saya harap Kementerian berkenaan mengambil cadangan saya ini jangan dibiarkan perkara ini terus berlaku. Ramai orang tidak puas hati sebab TV Malaysia telah menyiarkan Warta Berita dan Peristiwa dalam satu masa di kedua-dua Channel.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya minta maaf jikalau saya ada buat apa-apa kesilapan. Saya harap Kementerian-kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan saya itu.

3.39 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar Tinting bin Damsani: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah dan syukur, di Dewan yang mulia ini saya turut mengambil kesempatan mengalualu dan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan rasmi sidang Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, pada 9hb Oktober, 1978 yang baru lalu. Kita mengharap dengan berkat keinsafan dan pertolongan Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang semoga Titah Ucapan Di Raja yang menghendaki seluruh warganegara bersatu-padu dan berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Perdana Menteri kita. Itu bukan sahaja setakat disokong dengan lisan, tetapi mestilah diamal, dilaksana dan ditaati oleh semua pihak dan semua golongan di negara kita ini.

Kita penuh keyakinan bahawa kebahagiaan, kemakmuran rakyat dan keamanan negara pasti akan dapat tercapai dan dapat dinikmati

oleh semua golongan sekiranya benar-benar semua rakyat bersatu-padu menyokong usaha-usaha murni Kerajaan. Kerana pengorbanan dari rakyat yang bersatu-padu dan taat setia itulah sumber utama kekuatan Kerajaan dalam usaha-usaha menyokong amanat dan penderitaan rakyat bagi melaksana dan mewujudkan segala kestabilan, kestabilan ekonomi, keadilan sosial, pelajaran, ketahanan bangsa dan negara. Sebab itu dalam hubungan ini, ditakdirkan masih ada sebarang golongan atau individu di negara kita ini yang hanya berpura-pura cinta kepada negara tetapi tidak mematuhi dan melaksanakan dengan sebaiknya kehendak-kehendak perintah Titah Di Raja pada tanggal 9hb yang baru lalu itu, bermakna golongan itu ataupun orang itu mengkhianati dirinya, mengkhianati bangsanya, mengkhianati negaranya dan mengkhianati generasi-generasinya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, di sini ingin saya menyentuh sedikit berkenaan penerbangan MAS. Saya telah terbaca di akhbar Utusan Malaysia keluaran 30hb September yang baru lalu, dalam muka 4, ruang pertama menyatakan MAS telah memperolehi keuntungan dalam tahun 1977/78 ini berjumlah sebanyak \$21.96 juta, belum tolak cukai. Ini dibandingkan dengan keuntungan tahun 1976/77 yang hanya mendapat \$1.11 juta, itu sungguh membanggakan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, Pengerusi, Pengurus Besar, Pengurus-pengurus, Pengarah-pengarah, Pentadbir-pentadbir, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Sistem Penerbangan Malaysia atas kejayaan mereka yang cemerlang itu. Kita berdoa semoga perolehan di tahun-tahun akan datang dapat diperlipatgandakan lagi. Kemegahan kita ini bukan sahaja berkisar di sekitar kejayaan yang cemerlang itu, malahan tidak ketinggalan juga kita menyanjung tinggi kepada khidmat dan layanan yang baik oleh para petugas dan para hostess yang begitu berbudi dengan tingkah laku yang manis dan menarik dan begitu juga hidangan makanan dan minuman yang selalu mendapat kepujian dari para penumpang. Tetapi, malangnya di samping kejayaan-kejayaan yang membanggakan itu ada pula kita dengar sedikit sungutan-sungutan dari orang ramai mengenai beberapa masalah. Pertama, soal penerbangan selalu

delay ataupun lambat. Kedua, masalah kerusi-kerusi tempat duduk kapalterbang Fokker Friendship tidak bernombor dan ketiga tambang penerbangan dalam negeri dianggap terlalu mahal.

Tuan Yang di-Pertua, penerbangan lambat atau delay dari jadual itu kerap kali berlaku hingga berjam-jam lamanya. Ada kadangkalanya terus dibatalkan penerbangannya mungkin disebabkan kerosakan menyebabkan para penumpang menjadi huru-hara dan ada yang hingga marah kepada kakitangan MAS di terminal yang tidak bersalah dan tidak berdosa itu. Masalah ini Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak diatasi dan diperbaiki, maka saya rasa sungutan-sungutan itu mungkin akan berlarutan, terutama sekali daripada businessmen, kerana akibat penerbangan mereka yang terlambat atau delay dan juga kadangkala dibatalkan itu kesannya tentu boleh merugikan mereka seperti kata bidalan yang dikejar tak dapat yang di-kandung berciciran. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, demi untuk kebaikan dan keselesaan para penumpang dan para penumpang di sini dengan ikhlasnya saya mengesyorkan tiga perkara berikut di bawah ini untuk menjadi kajian dan pertimbangan oleh Kementerian yang berkenaan mudah-mudahan ada faedahnya.

Pertama, kapalterbang simpanan perlulah disediakan. Kegunaan kapal itu ialah untuk mengambilalih khidmat kapal yang delay jika terjadi ataupun kapal yang terbatal penerbangan kerana kerosakan itu.

Di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, menurut perhatian saya, dan mungkin juga di Sarawak, amat memerlukan kapal simpanan yang dimaksudkan itu oleh kerana di kedua buah daerah itu pada masa ini masih banyak lagi daerah-daerahnya yang belum boleh digunakan kenderaan darat dari sebuah daerah ke daerah yang lain melainkan terpaksa dengan kenderaan udara iaitu dengan kapalterbang MAS sahaja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kerusi-kerusi tempat duduk dalam kapalterbang Fokker Friendship juga patutlah diberikan bernombor seperti yang dibuat di Kelas Ekonomi kapalterbang 737 ataupun Boeing. Tujuannya, ialah supaya para penumpang yang berkeluarga seperti suami isteri dan beranak-pinak tidaklah terpisah tempat duduk di dalam masa penerbangan itu selaras dengan tata-susila dan semangat

ketimuran dan Islam di negara kita ini. Sistem kerusi-kerusi tempat duduk yang bernombor itu apabila dapat dibuat, saya yakin amalan berlumba-lumba dan berebut-rebut naik dan masuk untuk menguasai tempat duduk di dalam kapalterbang itu yang ada sekarang, di zaman kemajuan ini tentu akan dapat diatasi. Perbuatan langgar-melanggar yang kadangkala dilakukan dengan tidak bersopan itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita melihat kelakuan berlumba-lumba itu sangat tidak elok; ada perkara lagi yang kita tidak ingin terjadi ataupun berlaku pergaduhan. Pergaduhan, Tuan Yang di-Pertua, nyaris-nyaris terjadi pada 1hb Jun, 1978 yang baru lalu di dalam penerbangan daripada Kota Kinabalu ke Tawau, yang mana dalam penerbangan itu saya juga ada bersama-sama di dalamnya, apabila seorang isteri terpisah duduk dengan suaminya disebabkan sudah tiada tempat duduk yang berpasangan, semua sudah dipenuhi. Si isteri itu mahu tak mahu terpaksa duduk di sebuah kerusi yang kosong yang kena bersampingan dengan seorang lelaki. Semasa tiba di Tawau, isteri hamba Allah itu memberitahu suaminya bahawa semasa dalam penerbangan tadi lelaki yang menjadi jirannya duduk itu telah melakukan sesuatu kelakuan yang tidak sopan terhadapnya. Si suaminya naik radang nyaris-nyaris lagi terjadi perganyangan.

Tetapi nasib baik, Tuan Yang di-Pertua, hamba Allah yang bersalah itu tidak melawan dan meminta ampun. Saya rasa dia ingat perempuan yang duduk dekatnya itu mungkin perempuan cabaret yang datang dari Singapura untuk night club di Tawau. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada orang bertanya kepada saya, "bagaimana Datuk Abu Bakar Titingan lumba-lumba juga ikut lari rebut tempat duduk?" Ya, sudah pasti pak, fasal walaupun isteri saya sudah tua begitu saya tidak senang kalau dia duduk dengan lelaki yang lain. Tetapi buat masa ini belum berlumba-lumba kerana saya ada satu tiket VIP daripada MAS. Jadi bila tunjuk tiket VIP itu kakitangan di situ beri kita naik dahulu. Kalau tiket VIP ini ditarik balik, saya mesti berlumba-lumba juga seperti yang diamalkan sekarang ini.

Yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tambang. Ramai yang berpendapat tambang penerbangan MAS dalam

negeri yang ada sekarang ini adalah terlalu mahal jika dibandingkan dengan tambang penerbangan keluar negeri. Oleh itu, jika dapat inginalah saya merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat menimbangkan untuk menurunkan sedikit tambang itu bagi kemudahan rakyat membuat kunjungan dari sebuah daerah ke daerah yang lain, dari sebuah negeri ke negeri yang lain dan juga dari negeri-negeri ke Ibu Negara kita ini. Begitu juga sebaliknya, bagi kepentingan negara dalam usaha mengeratkan hubungan dan perpaduan di kalangan rakyat jelata yang berbilang keturunan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi lafazan alu-aluan dan juga junjung kasih saya atas Titah Ucapan Di Raja. Terima kasih.

3.53 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap lebih panjang lagi saya hendak menerangkan apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel di dalam pertanyaannya tadi. Kalau tidak, saya tanya tadi disangka yang lain. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Melayu menyatakan: pukul anak sindir menantu. Kalau hendak bertanya, tanya terang-terang, betul-betul. Sebabnya selalu sangat ditanya semalam pun tanya dan hari ini pun tanya itu juga. Tadi bercakap begitu, bercakap secara sindiran. Kita mengerti, kita bukan masih bersekolah Darjah 5, tetapi masing-masing mengerti iaitu ini ada tujuan lain. Walaupun beliau kawan baik saya semenjak dari Dewan Rakyat sampai ke Dewan Negara, tetapi kalau ada sikap pukul anak sindir menantu terpaksa saya tegur sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama menjunjung tinggi Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Barangkali ramai daripada kita ini telah berjalan atau melawat banyak negara, baik ke timur ke barat, ke utara ataupun ke selatan malahan seluruh dunia, dan dalam lawatan-lawatan kita ke seluruh dunia ini, saya fikir tidak ada satu negeri yang lebih makmur, aman dan lebih baik daripada negara kita. Sebab apa, Tuan Yang di-Pertua, sebab bumiputryanya. Dari dulu ada orang mengatakan bumiputra ini bodoh, bebal dan malas. Di dalam dictionary

ada menyatakan siapa dia Melayu?—Melayu itu bangsa malas. Tuan Yang di-Pertua, biar satu orang itu tidur kata pepatah bahasa Inggeris let sleeping dogs lie atau biar anjing itu tidur jangan diusek. Kalau diusek dia akan menggigit.

Di dalam negeri ini ada semua bangsa, bangsa Melayu, bangsa China, India atau orang putih dan mereka hidup dengan aman dan damai. Kalau kita pergi ke kampung-kampung Melayu, banyak orang China berniaga. Orang Melayu beli. Tidak ada sikap kerana kita orang Melayu kita tidak mahu beli di kedai China. Selama hari ini kita beli di kedai China. Kita kaya dan senangkan dia. Kita berkehendakkan persahabatan yang kukuh, maka dua belah tangan sama-sama pegang, tetapi selalu sebelah tangan sahaja.

Tanah Melayu ini kaya-raya, sumber kekayaannya minyak, getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan buminya begitu subur. Saya yakin dan percaya siapa juga boleh duduk.

Kerajaan juga telah menegaskan beberapa kali baik Kerajaan sekarang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn dan Kerajaan yang dahulu iaitu iktisad di dalam negeri ini iaitu Dasar Ekonomi Baru bukan hendak memperkayakan orang Melayu atau satu puak tetapi untuk keseluruhannya oleh kerana orang Melayu pada hari ini kalau kita siasat dan selidiki dengan adanya MARA, PERNAS, UDA dan lain-lain perbadanan cuma ada 5% sahaja iktisad negeri ini dipegang oleh bumiputra. Jadi dengan keinsafan inilah kita menyatakan kita bukan berkehendakkan 100%. Saya telah beberapa kali menyatakan kalau orang Melayu hendak membolot semuanya Tanah Melayu ini, saya ingat ini tidak adil.

Saya sendiri sebagai bumiputra saya akan lawan, saya akan tentang habis-habisan tetapi Kerajaan menyatakan cuma 30% sahaja. Orang China, orang India, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rasa lapang hati, kerana Kerajaan ini baik betul. Saya kata sebenar-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, iktisad ini bukannya dipegang oleh orang Melayu, bumiputra tetapi siasahnya dipegang oleh kita. Adakah siapa yang memegang siasah akan pegang iktisadnya? Bukan begitu, Tuan Yang di-Pertua, Kita di sini hidup sebagai warganegara Malaysia kita hendak hidup bersama. Kita tidak hendak menengok orang China lapar, kita tidak hendak menengok orang India lapar. Kita

tidak hendak juga menengokkan orang Melayu dalam negerinya sendiri lapar, miskin dan menderita. Itu yang dijalankan oleh pemerintahan sekarang. Tetapi banyak lagi yang tidak mahu, yang tidak sedar, yang tidak mahu sedar, yang tidak mahu mengikut, cuma mahu membolot sahaja. Dikatakanlah pada hari ini pihak Pembangkang dan banyak di antara kita musang berbulu ayam. Di dalam Dewan Negara ini juga berpura-pura. Jikalau sekiranya betul-betul jujur cuba kita tengok orang Melayu, bumiputra di Semenanjung ini ataupun di negeri Sabah dan Sarawak yang kaya selepas 20 tahun Merdeka dibandingkan dengan orang lain. Adakah hendak dengar cakap Pembangkang yang mengatakan bumiputra sudah kaya-raya? Kalau begitu orang Melayu cuma kerja untuk membawa tempurung buruk pergi minta sedekah, macam dahulu bekerja di bank-bank orang asing jadi peon, jadi watchman, jadi mata-mata. Begitukah orang lain hendak? Saya yakin dan percaya kita tidak mahu satu kaum begitu, terutama sekali orang Melayu yang Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dan yang bukan orang Melayu sendiri kalau menjadi warganegara yang jujur tidak mahu melihat begitu.

Saya berkata kepada orang-orang China—sebab saya pun bersekolah di negeri China, Tuan Yang di-Pertua—saya bukan anti-China, saya bukan anti-India, saya bukan anti-Melayu saya sebagai seorang warganegara Malaysia. Sebagai warganegara Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan iaitu bangsa yang hidupnya terkebelakang dan yang mundur mesti ditolong. Saya ada menyatakan kepada kaum China, saya kata kaum China ia hendak menolong kaum dia sahaja. Kalau Lim misalNva Lim sahaja yang ditolong, kalau Goh, Goh sahaja yang ditolong, kalau Wong Wong sahaja atau kalau Ho, Ho sahaja yang hendak ditolong, yang lain ia tidak mahu tolong. Perkaumannya cukup tebal, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya berani kata begitu, saya belajar di negeri China. Orang China di sini pun tidak belajar di negeri China. Saya belajar di Universiti China, saya tahu keadaan-keadaan mereka.

Mereka mesti tukar sifat perkauman itu—ini yang Datuk Ahmad Arshad berkehendakkan mesti tukar fikiran ini. Ini Malaysia bukan Tionghua—atau Tiongkok, keduanya serupa.

Di negeri Malaysia, kita jadi orang Malaysia dan kita terpaksa habiskan “sei” itu. Kalau kedai orang Melayu, orang China pun masuk bekerja sama-sama, kalau kedai China, orang Melayu pun masuk bekerja sama. Saya kata betul—saya bukan perkauman—kalau kedai China, China sahaja bekerja. Apa salahnya ikan bilis sama-sama jual. Kedai orang-orang China apa salahnya jual belacan, sebab kita jadi orang Malaysia. Ini tidak mahu. Itu sebabnya kita telah berpuak. Kerajaan suruh bersatu-padu tetapi daripada bawah kita tidak selidik. Apa yang kita mesti buat ialah perkauman mesti kita habiskan.

Berkenaan hak-hak istimewa orang Melayu itu, orang Melayu pun malu juga ada hak istimewa. Saya sendiri malu yang orang Melayu ada hak istimewa. Kenapa orang Melayu ada hak istimewa, saya sendiri malu rasanya. Tetapi sebelum masanya sampai kalau tidak buat begitu, mati tidak berkubur orang Melayu, sebab competition dalam perniagaan hebat sangat, orang Melayu baharu hendak masuk dalam iktisad, dalam pelajaran dan dalam segala-galanya. Inilah yang dibangkang oleh pihak Pembangkang.

Ini yang dimarah oleh mereka yang Melayu dapat hak istimewa. Orang Melayu ada duit berkoyan-koyan, ada berbakul-bakul sehingga tidak ada barang lagi yang hendak dibeli. Semua orang Melayu telah buat istana macam itu nampaknya, jadi kemarahan kepada orang China yang lain, maka orang China pun menganggap betulkah orang Melayu ini telah begini kaya raya. Begitukah sangkaan kita sama sendiri, di dalam parti kita sendiri, di dalam Barisan Nasional sendiri yang saya katakan tadi iaitu musang berbulu ayam. Ini yang kita tidak mahu. Itu sebab kita hendak pemimpin yang jujur. Kalau salah, katakan salah; kalau benar katakan benar; jangan pura-pura, jangan sorok-sorok, jangan takut-takut. Saya cuma takut kepada Tuhan sahaja, tetapi manusia sama manusia belum lagi saya takut.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini saya baca satu majallah—saya ada bawa di sini—tetapi saya tidak hendak baca sebab panjang sangat dalam bahasa Ingeris, saya pandai bahasa Melayu sahaja, bahasa orang putih saya tidak tahu. Di dalam *Far Eastern Economic Review*, 6hb Oktober, 1978 cuba kita baca dan tengok

gambar Datuk Musa Hitam tengok Dr Goh, muka 28—"A test of strength on Education." Yang saya katakan musang berbulu ayam, inilah dia. Kalau education policy telah ditetapkan tentulah Cabinet Ministers sudah tahu ini semua—berkenaan dengan Universiti Merdeka. Saya suka Universiti Merdeka dan segala-galanya saya suka, tetapi mengikutlah dasar-dasar pelajaran Malaysia. Bukannya hendak mengikut dasar-dasar pelajaran England, Amerika, Taiwan, Singapura. Adakah daripada sekolah menengah sampai ke Universiti hendak menggunakan bahasa Tionghua. Ada pepatah bahasa Inggeris mengatakan kalau kita berada di Rome, kita terpaksa mengikut orang Roman. Kalau kita masuk kandang kerbau, kita menguak, kalau masuk kandang kambing, kita mengembek. Kita dalam Malaysia kita terpaksa ikut orang Malaysia. Jadi itulah saya tidak mengerti apa sebabnya yang dibangkang, apa sebabnya yang dimarah. Orang-orang ini ada bersama kita, bukan Dr Goh seorang sahaja tetapi banyak yang lain, bukan dia seorang sahaja. Ini cakap yang sebenar-benarnya lempar batu sembunyi tangan. Ini cukup merbahaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku sesuatu kejadian atau pergaduhan di antara kaum di negeri ini, orang-orang ini mesti bertanggungjawab.

Saya tidak hendak menengokkan satu perbalahan perkauman. Negeri yang aman sentosa, damai macam ini kalau berlaku perbalahan kaum, susah kita hidup, daripada kita boleh mencari makan begini langsung tidak boleh. Cakap saya ini adalah dari hati ke hati yang sebenar-benarnya saya bukan anti sesiapa. Perkara ini patutlah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional memikirkan baik-baik dan saya menyokong apa juga universiti asalkan mengikut dasar pelajaran pada hari ini. Kalau hendak namakan Universiti Merdeka, universiti itu dan ini, itu perkara lain, universiti yang bukan Kerajaan pun tidak mengapa, tetapi hendaklah mengikut dasar Kerajaan pada hari ini. Kalau misalnya orang China berkehendakkan mendirikan Universiti Merdeka dengan cara education policy yang baru ini dengan mengambil bilangan pelajar yang tertentu seperti orang Melayu berapa, orang China berapa, orang India berapa, boleh dijalankan dan tidak ada apa-apa masalah. Saya menyokong dengan 100%.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bercakap berkenaan dengan bersatu padu tadi dan saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan berbagai kebebasan, tekanan penjajahan iktisad, sosial dan lain-lain seperti apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita hendakkan kebebasan dalam negeri ini pertama sekali kita berkehendakkan tentera dan polis yang ramai yang boleh mempertahankan negeri kita atau Kerajaan kita.

Keduanya, kalau kita hendak kebebasan iktisad juga kita mesti stabil. Apa juga kaum sekalipun yang tinggal di sini sekiranya kaum-kaum ini tidak ada mempunyai rumah tempat tinggal, makan sekali sehari, hidup menderita, mereka sanggup buat apa sahaja. Orang Melayu yang beragama Islam atau bumiputra yang ada di negeri ini yang mempercayai Allah dan sembahyang sehari semalam lima waktu berpuasa dan sebagainya tidak hendak masuk komunis, sebab komunis tidak percayakan wujudnya Tuhan. Sebagai seorang Islam seperti saya, boleh buat begitu itupun kalau saya betul-betul mentaati ugama Islam. Tetapi jikalau perut sudah lapar, anak menjerit hari-hari, itupun belum tahu lagi, kecuali Datuk Haji Ahmad Arshad yang mentaati ugama Islam lebih tebal daripada saya, pemikiran saya sudah lain. Boleh jadi saya memikirkan kalau ada orang lain hendak memberikan makanan atau ada ideologi yang lain yang boleh menyenangkan rakyat di dalam negeri lebih baik saya ikut itu. Ini pemikiran orang-orang sekarang—bukan saya. Dengan sebab itu, rakyat di negeri ini mesti diperhatikan betul-betul. Inilah sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn menyatakan ini adalah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang kita sudah laungkan dahulu lagi. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra sendiri ada mengatakan kita berkehendakkan roti (bread) pada satu masa yang telah lalu. Tuan Yang di-Pertua, agaknya sedar Tunku mengatakan kita berkehendakkan roti daripada peluru. Kita berkehendakkan rumah daripada berek. Ini yang Tunku kata pada masa dahulu—itu berjiwa rakyat juga.

Cubalah kita tengok di Kuala Lumpur ini, sudah 21 tahun kita merdeka, saya tidak tinggal di Kuala Lumpur, tetapi di Petaling Jaya, jadi kurang mengerti sedikit. Selama 21 tahun kita merdeka, kita boleh tengok flat-flat yang didirikan oleh Kerajaan cuma

10, itupun entah sampai atau tidak. Kalau kita melangkah ke Singapura kita boleh tengok tingginya flat-flat, semua kampung-kampung Melayu di Geylang, didirikan flat-flat. Dahulu orang kata tidak mahu tinggal di flat, tetapi kalau tidak hendak tinggal di flat tinggal di mana? Orang Melayu di Geylang tinggal lebih buruk daripada orang-orang yang ada dalam hutan. Dengan sebab itu Kerajaan yang dikatakan berjiwa rakyat hendaklah didirikan flat-flat yang tinggi. Orang marah tidak mengapa, kita dirikan flat kemudian dipuji oleh rakyat. Oh! bagus Lee Kuan Yew mendirikan flat yang tinggi dan mewah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita Malaysia cukup kaya. Tiap-tiap orang luar datang seperti mana saya tengok di talivisyen, Menteri India puji, Menteri Jerman puji, Menteri Amerika puji, Menteri Jepun puji, Malaysia negeri yang kaya raya dan penuh dengan hutan simpan, penuh dengan itu dan ini. Inilah tiap-tiap kali yang saya dengar, tetapi kalau kita pergi ke kampung Kerinci, Petaling Jaya penuh dengan squatters, tiap-tiap hari rumah dirobuhkan, besok rumah didirikan lagi, anak-pinaknya kasihan-lah.

Apabila saya berjalan ke Sungai Besi begitu juga tidak peduli siapa, samada orang China atau India mereka mendirikan rumah di situ dirobuhkan, besok didirikan rumah lagi, kasihan mereka ini. Beginikah sudah 21 tahun negeri kita merdeka mereka itu diburu. Siapa yang salah? Saya tidak kata Kerajaan salah, tetapi fikirilah sendiri sudah 21 tahun lamanya masih begitu keadaannya. Kalau tidak ada tanah-tanah banyak tanah lombong atau tidak banyak boleh diambil dan bayar di bawah Land Acquisition Act. National Land Code pun ada mengapa tidak diambil sudah bertahun-tahun? Adakah pegawai Kerajaan tidak menjalankan tugas? Di bawah Peruntukan Land Acquisition Act ada peruntukan untuk public purpose boleh ambil dan bayar. Kalau tuan tanah hendak menuntut lebih dia boleh pergi ke court, bicara kemudian. Apa sebab tidak dijalankan? Dahulu Kuala Lumpur di bawah Kerajaan Selangor, sekarang di dalam Kerajaan Pusat, kita hendak tengok dalam Kerajaan Pusat nanti Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Dalam tempoh lima tahun yang akan datang kita hendak menengok tiap-tiap rakyat mempunyai tanah. Kalau saya beri

contoh di Taiwan nanti orang kata di Taiwan Kerajaan dictator, kalau dikatakan di Korea nanti dikatakan di Korea Kerajaan dictator. Tetapi tidak payahlah, Kerajaan berjiwa rakyat kita hendak menengok bagaimana rakyat-rakyat yang miskin dibela oleh Kerajaan bagi mendirikan flat-flat, sebab manusia di atas dunia ini berkehendakkan tiga perkara :

Yang pertama, makanan;
Yang kedua, pakaian; dan
Yang ketiga, rumah.

Kalau ada tiga-tiga perkara ini dia tidak fikir lain, Tuan Yang di-Pertua, melainkan orang itu hendak kemewahan seperti alat-alat letrik, washing machine selain daripada talivisyen dan radio. Tetapi perkara yang ketiga yang penting sekali Kerajaan hendaklah menengokkan mereka ini. Inilah masalahnya dan barangkali menjadi cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan berjiwa rakyat. Ini yang kita sama-sama menengokkan supaya betul-betul Kerajaan yang berjiwa rakyat akan menjalankan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah mengatakan orang miskin ini macam di England diberi tempun elok, diberi makanan berpuluh-puluh paun sebulan, dia dapat main pingpong main tennis, main itu, main ini. Saya tahu itu tidak dapat kita adakan bagi masyarakat yang miskin yang tidak ada ibu bapa, yang tua dan yang tidak boleh bekerja lagi. Bukan begitu yang saya kehendaki, kita tahu belum sampai masanya lagi, kalau sudah sampai masanya minyak kita keluar macam air di Trengganu ataupun di Sabah dan Sarawak,—kalau orang Trengganu baik hati diberinya sedikit—masa itu boleh, tetapi pada hari ini saya nampak bagaimana penderitaan orang-orang yang miskin ini. Orang yang saya kata miskin ini kategorinya habis miskin, iaitu dia menghulur tangan minta sedekah, kakinya tak berdaya lagi, tangannya menggeletar sudah tidak boleh memotong getah lagi. Ini saya suarakan selalu sangat tetapi salah pengertian sebab saya bukan Menteri. Kalau bukan Menteri, bodohlah dia orangnya.

Tuan Yang di-Pertua, orang miskin yang berkehendakkan bantuan itu pada hari ini diberi \$15 sebulan. Dengan \$15 sebulan pada hari ini, dengan inflasi tidak cukup \$15 itupun district welfare yang beri. Saya harap tolong macam apa yang Singapura tolong. Singapura beri lebih banyak lagi. \$40-\$50 sebulan.

Ini berulanglah ke district office selalu, berjalan kakilah, begitu-begini, mereka mempunyai undi juga. Bila hendak mengundi, orang ini dipikul, bawalah untuk memangkah, entah siapa dia pangkah tak tahulah saya, tetapi kita pergi juga ke situ untuk mengundi. Ini yang kita mesti perhatikan. Saya minta jangan disalah-mengertikan dan jangan dijawab kata tak ada duit kalau tidak ada duit, minta duit sedikit, bukan hendak daripada Menteri Kewangan bukan macam England atau di Amerika—tidak, asalkan mereka ini dapat makan bubur, dapat beli gula-gula sikit, kueh sikit, hisap rokok sikit jadilah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu meninggikan taraf hidup kita terutama sekali bumiputra saya hendak ingatkan bumiputra iaitu kalau hendak meninggikan taraf hidup bumiputra, bumiputra mesti peluk tubuh, orang suap mulutnya. Nah! makan, awak jadi kaya nanti masukkan makanan ke dalam mulutnya. Kalau makan masuk mulut pun hendak dikunyah dengan gigi. Sudah dikunyah oleh gigi hendak ditelan dan mesinnya perut. Selepas dimesin baru jadi darah, kemudian keluar pula jadi hampas. Kalau bumiputra hendakkan disuap dalam mulut tidak mahu kunyah, makanan dalam mulut itu busuk dan apapun tak boleh jadi. Jikalau bumiputra hendak maju mesti berusaha betul-betul, mesti berjuang macam orang lain juga masa ini, tak dapat duit lawan minta duit, kalau tidak, jumpa Chief Bank bumiputra bertanya kenapa kita tidak boleh dapat duit, sebab skim kita bagus dan working paper kita baik. Cari contract kita dan sebagainya, bukan Kerajaan beri saya contact siapa dia, mana boleh? Jadi bumiputra fikir senang sebab ada bumiputra section dalam Kementerian, di situulah bertanya. Kadang-kadang orang itu ada saudara dia, pass pada saudara dia pula, atau pass pada kawan dia. Kita melopong juga. Jadi bumiputra mestilah berikhtiar, ini asyik menadah tangan berdo'a pun tak boleh jadi. Ustaz besar kita ada di sini

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bercakap-cakap nama saya 'Haji Ahmad Arshad', ini beliau cakap 'Datuk Arshad', sudah tiga kali beliau salah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Yalah, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad—duduklah (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, ugama Islam mengatakan kalau orang Islam itu tidak bergerak tidak boleh maju. Kalau hendak sembahyang 5 kali satu hari Tuhan pun marah kepada orang Islam itu

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Fasal tak mahu kerja!

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Yalah, pandai pun Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad. Tuhan telah beri mulut, beri mata untuk melihat bagaimana kejayaan orang lain, beri telinga untuk mendengar macam mana kejayaan orang lain, memberi hidung bagaimana wanginya atau tidak orang lain, kaki—pergilah tengok ke mana-mana macam mana orang lain, tangan—buatlah dengan tangan, usahakan dengan tangan tetapi barangkali mata sahaja tengok tetapi angangan "Mat Jenin". Tuan Yang di-Pertua, sudah dengar kesah Mat Jenin? (*Ketawa*). "Mat Jenin" ialah cerita orang Melayu, kadang-kadang saya pun begitu juga, ini saya hendak ceritakan. Satu malam dia berangan-angan sebab tak ada apa hendak buat, menelentang sahaja, diapun berangan-angan. Dia panjat pokok kelapa dan sebelum petik buah kelapa dia sudah berangan: kalau aku dapat 10 biji buah kelapa aku jual dapat \$10. Dengan \$10 aku beli ayam, bila ayam banyak, dia bertelur-bertelur-bertelur

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Beli kambing pula!

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Menetaslah ayam itu dahulu (*Ketawa*). Ayam itu bertelur, menetas-menetas-menetas, ayam banyak. Jual ayam beli kambing—membebek kambing di sana-sini. Beli kerbau, banyak kerbau menguak di sana-sini, siapa punya? Mat Jenin punya. Menguak ke barat, ke timur, ke selatan, kemudian tak puas hati, jual kerbau beli gajah, ke sana ke mari dengan gajah. Sudah banyak gajah apa hendak buat, jual gajah, belilah kapal, ke sana-sini berpuluh-puluh kapal, berniaga ke negeri China, ke negeri Jepun, belayar ke negeri Arab cari minyak. Akhir-akhirnya sudah terlampau banyak duit, buat istana—mahligai. Duduk seorang dalam mahligai tak boleh, jadi kahwinlah dengan anak raja macam sekarang sudah boleh kahwin dengan anak raja. Jadi

masa dia hendak memeluk anak raja itu tangannya terlepas (*Ketawa*). Dia ini berangan-angan di atas pokok sebelum dapat buah kelapa sudah terlepas tangan—bum jatuh ke bawah, langsung mati—padan mukanya. Jadi inilah angan-angan orang Melayu. Angan-angan ini kalau dibuat bagus, dia sudah sampai ke atas pokok kalau dia dapat buah kelapa 40-50 biji, kalau betul dibelinya ayam, betul dibelinya kambing, kalau betul dia jaga kambing, betul dia beli kerbau dan jaga kerbau, betul dia beli kapal, betul dibuat mahligai, betul dia kahwin tak menjadi apa hal, tetapi ini cuma angan-angan. Melawak-melawak juga, tetapi perkara ini bangsa kita, bangsa Melayu—bumiputra yang betul-betul memikirkan cara begini.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan ada membantu, kita tidaklah menidakkan, iaitu Kerajaan telah memberi segala bantuan, diberi pula satu dasar kepada bank untuk meminjamkan wang kepada bumiputra dengan cagaran sedikit-sebanyak, pergilah berniaga, pergilah buat ini, segala-galanya ada tetapi cuma angan-angan sahaja, walau apa sekalipun diberi kepada bumiputra tak akan menjadi apa-apa. Jadi dasar ekonomi kita bukan sahaja Kerajaan, PERNAS, UDA dan lain-lain yang akan menjalankan, akhirnya bumiputra juga mesti beli saham-saham ini daripada UDA, PERNAS, bukan hendak dapat free.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.49 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung balik ucapan saya tadi. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada mengatakan membaharui sistem dan jentera Kerajaan. Kalau sistem Kerajaan tidak betul berjalan, maka administration negara tentulah tidak dapat menjalankan kewajipan-kewajipannya dengan betul dan jujur.

Saya beberapa kali berkata jika berkehendakkan Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga ini berjalan dengan lancar, maka jentera Kerajaan mestilah diperhatikan dengan benar-benar, khasnya kakitangan Kerajaan.

Di sini saya menyatakan dari hati ke hati oleh kerana Kerajaan ini adalah berjiwa rakyat. Pegawai-pegawai Kerajaan semuanya mestilah berjiwa rakyat, sebab kita hendak menengokkan dan melihat negara kita menjadi kuat dan juga segala penduduknya, apa bangsa sekalipun, hidup secara mewah, damai dan tenteram. Ada setengah-setengah pegawai—saya bukan mengatakan semua pegawai—jika orang-orang kita iaitu orang-orang dari kampung, New Village dan estet datang ke pejabat-pejabat tidak dipedulinya langsung, mereka menanti berjam-jam, kadang-kadang surat tidak berbalas. Jadi Kerajaan yang berjiwa rakyat, maka pegawai-pegawainya juga mestilah berjiwa rakyat, menengokkan segala kerumitan-kerumitan orang yang datang ke pejabat-pejabat, terutama sekali Pejabat Tanah, Pejabat Daerah yang kebanyakannya orang-orang kita berkehendakkan tanah dan lain-lain. Kebanyakannya, di Pejabat Tanah mereka tidak mahu melayan orang kampung, orang-orang New Village dan orang-orang daripada estet sebagaimana yang kita kehendaki. Tetapi Kerajaan mengatakan pergilah mengadu dengan pegawai Kerajaan, mereka akan menengokkan apa kehendak-kehendak rakyat, tetapi setengah daripada setengah pegawai—bukan semuanya—tidak ada berjiwa rakyat.

Masa kita di dalam penjajahan kita ikut sistem pentadbiran penjajah sebab otak penjajahan itu masih ada lagi, saya juga seorang pegawai MCS dahulu, tetapi sekarang kita sudah 21 tahun merdeka, sepatutnya semua pegawai mesti tukar cara pemikirannya yang mereka itu bekerja untuk rakyat dengan jujur, benar dan bertanggungjawab untuk rakyat. Ini yang dikehendaki oleh rakyat dan yang dikehendaki oleh Kerajaan yang berjiwa rakyat supaya pembangunan dapat dijalankan dan rakyat semuanya suka hati dan pada lima tahun yang akan datang atau enam tahun yang akan datang akan mengundi Barisan Nasional, tetapi kalau pegawai-pegawai semuanya sombong dan bongkak, dan tidak mahu melayan rakyat, maka rakyat menyalahkan Kerajaan yang berjiwa rakyat ini. Saya minta supaya pegawai-pegawai turut serta dengan Kerajaan berjiwa rakyat menjalankan kewajipannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyentuh tentang berpegang kepada ajaran agama, terutama sekali Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang Islam, dan kepada orang yang bukan Islam ada ugamanya masing-masing. Selain daripada itu Kerajaan mesti menengokkan dengan betul baik di dalam dan di luar Kerajaan, di dalam dan di luar parti sebab ada anasir-anasir yang tidak percaya kepada wujudnya Tuhan dan ada fahaman-fahaman yang tidak percaya wujudnya Tuhan yang mempengaruhi orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, China Komunis menjatuhkan Kerajaan Kuomintang memakan masa hampir-hampir 20, 30 hingga 40 tahun lamanya. Jadi, subversive element ini masuk bukan sahaja ke sekolah-sekolah menengah, ke sekolah-sekolah tinggi, universiti, institusi-institusi, pejabat-pejabat Kerajaan, parti-parti politik, tetapi semua segi mereka ini masuk.

Tuan Yang di-Pertua, percaya atau tidak di waktu komunis masuk memerintah negeri China dahulu, pekan besar sahaja yang diperintah oleh Kerajaan, semua kampungnya habis dipegang oleh komunis. Sampai begitu sekali. Saya mengatakan begini bukan sahaja kita akan memerangi komunis yang di dalam hutan yang dikatakan pengganas komunis sebab dia bersenjata, bukan sahaja yang kita kata subversive element dan yang dikatakan pergerakan underground yang kita tengok bendera-bendera komunis diletakkan di atas pucuk kelapa dan sebagainya, tetapi secara tulus ikhlas saya mengatakan ada komunis-komunis yang di dalam parti sendiri, baikpun di dalam parti UMNOnya, baikpun di dalam MCAny, baikpun di dalam MICnya, ini mesti dijaga sebab ini adalah parti-parti pemerintah dan dengan senang mereka akan menjatuhkan Kerajaan dengan cara menyeludup di dalam parti-parti ini. Inilah yang kita takutkan sekali. Saya yakin dan percaya pemimpin kita sedar di atas perkara penye-ludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang saya hendak tunjukkan ialah bagaimana penye-ludupan komunis di Kampuchea. Prince Sihanouk memikirkan dia tidak takut dengan komunis, dia hendak berkawan dengan komunis, Prince Sihanouk percaya kepada komunis ini dia ikut komunis sampai ke Peking menjadi Kerajaan buangan di Peking.

Apabila askar komunis ini masuk balik ke Kampuchea menjahanamkan Lon Nol, Sihanouk ikut sama. Dan kita baca dalam *Far Eastern Exonomic Review* atau *Asia Magazine* dan sebagainya Sihanouk di mana sekarang? Sihanouk sudah tidak ada lagi. Kita tahu Sihanouk bukannya komunis, kita tahu Sihanouk memikirkan dia boleh berkawan dengan harimau, dia boleh menjinakkan harimau, dia boleh menunggangi di atas harimau tetapi satu hari harimau akan memakan juga manusia ini.

Di sini saya cuma menarik perhatian supaya berhati-hati di atas perkara-perkara yang berlaku. Kalau komunis ini baik tentu orang-orang Vietnam tidak lari seperti yang kita tengok di pulau-pulau di Trengganu dan sebagainya ataupun keseluruhan dunia ataupun komunis daripada negeri China tidak berenang ke Hongkong dan banyak mereka ini sudah dimakan oleh ikan yu kerana hendak pergi ke satu tempat di mana mereka ini dapat kebebasan. Dengan sebab itu agama adalah penting untuk mempertahankan fahaman-fahaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi mengatakan apabila Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri kita melawat ke negeri China apa yang dikehendaki iaitu Kerajaan China mestilah dengan terus terang mengatakan Kerajaan China tidak campur dengan pengganas-pengganas ataupun subversive element dalam negeri ini. Dengan terus terang mesti memberitahu macam mana yang dikatakan oleh Perdana Menteri Vietnam tidak campur tangan.

Pada hari ini radio-radio yang anti-Kerajaan ini ada menyiarkan berita dan ini ada di dalam negeri China. Kalau Kerajaan China betul-betul hendak bersahabat dengan Kerajaan kita yang mana kita betul-betul jujur hendak bersahabat dengan apa negeri sekalipun, apa fahamannya sekalipun, apa ideologinya sekalipun. Pemerintahan kita secara demokrasi, kita hendak hidup secara demokrasi kita, maka Kerajaan lain tidak boleh campur tangan dengan apa yang kita kehendaki. Dengan sebab itu, Republik Rakyat China juga mesti menunjukkan kekikhlasan menyatakan kepada Perdana Menteri kita apabila pergi ke Peking mengatakan tidak campur tangan dan kita tidak mahu menengok bagaimana orang-orang China pergi ke Vietnam. Kalau Kerajaan China tidak campur apa sebabnya menghantar askar-askar komunis China ke border Vietnam

masuk campur dengan orang-orang duduk di dalam Vietnam, kerana Kerajaan Komunis Vietnam ikut cara dia memerintah, kalau ada harta-harta orang dirampas, itu cara Kerajaan Komunis memerintah harta orang dirampas; dijadikan hak negara dan sebagainya. Itu apa hendak buat! Jadi, kita tidak campur dan Kerajaan Komunis China pun tidak boleh campur di atas perkara ini. Ini mesti kita terangkan, itu sebablah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat rakan saya, itu sebabnya Indonesia sendiri khuatir dan mahu menengok betul-betul bagaimana keikhlasan Republik Rakyat China di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan iktisad. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan Malaysian International Shipping Company. Masa saya bertanya di dalam Dewan Negara ataupun di dalam Dewan Rakyat dahulu berkenaan Malaysian International Shipping Company, apa sebabnya kita berkehendakkan modal asing? Modal asing daripada Hongkong apa sebabnya? Apa yang kita hendakkan modal yang 15-16% itu. Dijawabkan pada saya mengatakan kita berkehendakkan modal mereka kerana experience mereka, pengalaman mereka, kecekapan dan kepandaian mereka. Itu jawabannya dan ini boleh disemak. Tetapi ada aduan-aduan kepada saya semasa di Dewan Rakyat dahulu sebagai Wakil Rakyat dan Dewan Negara adalah sebagai Ahli Dewan Negara iaitu sungguhpun Kerajaan memegang saham yang banyak, orang Hongkong memegang saham yang sedikit dan ada lagi yang sedikit lain-lain pihak sekurang-kurangnya kita memegang 70%, tetapi controlling power itu sepatutnya dipegang oleh Kerajaan, tetapi anih sekali, ini masa dahulu, anih sekali segala apa sekalipun dipegang (control) oleh orang lain, terbalik, kita percaya kepada orang lain pula. Dengan sebab itu pelabuhan di Bangkok, perniagaan di Singapura dan Pelabuhan Swettenham dan Amsterdam dia pegang. Mereka mendapat kekayaan kerana MISC.

Saya bercakap ini bukan saya mendapat keuntungan, tetapi ini adalah bukan dasar kita. Ini kita berkehendakkan keadilan, kita tak kira siapa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bertindak hendaklah bertindak tidak pandang siapa. Kenapakah berlaku begitu? Perkara ini diketahui kerana bumiputra yang ada di dalam MISC ini mengadu kepada saya. Segala promotion, segala tempat-tempat teraju yang betul-betul ada kekuatan ataupun yang boleh menjalankan pentadbiran

yang penting dipegang oleh orang lain. Jadi tidak ada maknanya national shipping ini dipunyai oleh negara.

Cuba lihat, kalau betul-betul orang Hongkong ini pandai, kenapa mereka ini menempah kapal lewat, kalau orang perniagaan tentu difikirkan bilakah kapal itu boleh siap. 5 buah kapal yang ditempah untuk pengangkutan gas ini berharga tidak kurang dari \$2 billion tentu ada kira-kiranya bila kapal ini boleh siap. Tentukan pula bila gas itu boleh dikeluarkan. Mungkin kalau joint venture dengan Jepun kita tahu, dia ada semua kira-kiranya. Kalau misalnya kita ada kira-kira, bila kita boleh keluarkan gas ini, berapa banyak pengeluarannya—first phase berapa banyak, second phase berapa, third phase berapa, fourth phase berapa, fifth phase dan selanjutnya. Berapa pula kapal yang kita kehendaki tahun pertama, tahun kedua, tahun ketiga dan tahun keempat.

Tuan Yang di-Pertua, pesanan kapal sebanyak lima buah itu dibuat oleh orang yang expert itu. Ini, saya salahkan expert ini. Bukan Kerajaan, expert inilah yang salah, bukan Kerajaan salah. Jangan Kerajaan menjawab kepada saya mengatakan saya menuduh. Ini saya bukan menuduh Kerajaan, tetapi expert ini yang salah, sebab pada masa dahulu bila dijawab kepada saya Tuan Yang di-Pertua, kita mencari expert. Apakah expert ini menyeleweng? Siapakah dia expert yang menyeleweng ini? Kita mesti siasat benar-benar, kita mesti adakan siasatan yang sehalus-halusnya. Kerana ini bukan melibatkan wang \$1-2 million, tetapi berbilion ringgit dan Tuan Yang di-Pertua tahu berapa kerugian satu hari kapal yang tersadai ini sehingga 1983 baru kita boleh gunakan. Kapal itu tersadai berapa lama dan tiap-tiap bulan satu kapal mesti kita belanjakan \$750,000. Kalau setahun lebih kurang \$8-9 juta, kalau 3 tahun lebih kurang \$27 juta dan kalau 5 kapal kerugiannya lebih kurang \$135 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang pandai berniaga tentulah ada kira-kiranya. Ini bukan kesilapan kerana Tuhan menurunkan hujan, apa boleh buat; turun angin puting beliung apa boleh buat ataupun gegaran dunia (earthquake), tetapi ini diketahui. Kalau ambil gas di bawah tanah kita tahu berapa lama kita boleh ambil, satu factory berapa lama kita boleh bina, kapal yang dipesan berapa lama boleh siap. Ini kita terpaksa kira. Kalau kita hendak sewakan pula kapal kita ini ada masalahnya. Kita tahu

bahawa kapal-kapal yang mengangkut minyak ini sekarang berlabuh baik di Jepun, Taiwan atau di Labuan berpuluh-puluh kapal tersadai sahaja tak ada siapa berkehendakkan untuk membawa gas atau minyak.

Saya bercakap ini bukanlah menuduh sesiapa, saya tidak menuduh Kerajaan tetapi saya menyatakan orang yang dikatakan expert ini, expert dari Hongkong ini. Pada masa yang akan datang Kerajaan tidaklah boleh percaya kepada expert ini. Expert dari luar seperti Hongkong masuk modal ke sini untuk monopoli keuntungan daripada kita. Kalau kita sendiri yang rugikan kita puas hati daripada mereka yang masuk poket keuntungan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita fikir kita membeli kapal \$2 bilion, orang Hongkong ini membeli saham 17%. Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa meminjam duit daripada World Bank atau pinjam dari bank lain. Orang ini modalnya terus tetap tidak bertambah, sebab daripada pinjaman Kerajaan nilaian sahamnya telah naik, nilainya meningkat besar. Kalau dia sama-sama untuk menjamin, tak apalah juga. Dia tahu kalau orang hendak meminjam daripada World Bank mesti ada satu-satu Kerajaan menandatangani kalau tidak tentu tidak mahu pinjam sampai \$2 bilion untuk membeli kapal. Ini dengan jaminan Kerajaan kita. Jadi, kesilapan ini mestilah kita kaji; ini bukanlah untuk kepentingan seseorang tetapi untuk kepentingan awam.

Begitu juga, berkenaan dengan UDA. UDA ini memang bumiputra hendak. Dalam mesyuarat dahulu kita memikirkkan oleh kerana MARA tak berjalan dengan begitu lancar, kita berkehendakkan UDA. Apakah tujuan UDA ini, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan UDA ini untuk orang bumiputra masuk ke pekan, membeli atau membuat rumah kedai, buka perniagaan dalam pekan, termasuk mendirikan panggung wayang dan sebagainya supaya bumiputra dapat masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Tetapi kita tidak mahu, seperti apa yang kita nampak hari ini UDA dikuda oleh orang lain. Bagaimanakah caranya dikuda oleh orang lain, Tuan Yang di-Pertua? Saya selalu mengatakan UDA dikuda oleh orang lain. Kita masuk 30% dalam satu-satu projek jadi controlling power itu di mana? Di dalam satu-satu perniagaan controlling power ini adalah di tangan orang yang memegang

saham yang banyak. Kita tak boleh mengata-kan pihak Kerajaan berkuasa kita boleh bercakap. Sebenarnya tak boleh berkuasa, kita sudah masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan, kita mesti pegang saham sekurang-kurangnya 51%. Kenapakah kita tak ambil 51%? Kita buat perumahan masuk saham hanya 30%, membuat Sungai Wang Plaza sahamnya 30%, membuat projek lainpun sahamnya 30%, barangkali supaya dikatakan nanti dapat juga bumiputra masuk dalam projek itu, cukuplah. Tetapi dalam dunia perniagaan bukan itu sahaja, kalau begitu bumiputra puas hatilah dengan saham 30% ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak meningkatkan iktisad bumiputra kepada 30% daripada 5%, pada hari ini kita mesti pegang sekurang-kurangnya 70% bukan hendak menakutkan orang ramai, bukan hendak menakutkan orang Malaysia. Tetapi, kalau betul-betul Kerajaan hendak menolong bumiputra bukan hendak merampas hak orang lain—Kerajaan kita masuk saham secara benar, secara legal masuk 51%; 60% kalau dia tak hendak beri 51%—60% tak usah masuk; kita akan gunakan, sebab UDA adalah badan atau agensi Kerajaan. Kesenangan itu boleh digunakan, lebih baik si Melayu kudakan UDA kalau begitu. Jadi, kami bumiputra ini tidak senang hati menengokkan itu, sebabnya bukan kerana apa-apa, bukan hendak merampas hak orang lain, tidak sekali-kali, itu salah. Ugama Islampun mengatakan tidak boleh merampas harta orang lain. Tetapi yang kita hendakkan iaitu tujuan Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu di dalam tempoh 20 tahun akan datang sekurang-kurangnya 30% iktisad kita adalah di tangan bumiputra.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, lihatlah sendiri bumiputra, terutama sekali di Sarawak misalnya, apa yang ada pada mereka cuma long house. Di Sabah pula kebanyakannya ada kuda sahaja; orang-orang Bajau ada kuda sahaja, selain daripada itu apa yang ada. Inilah Kerajaan berkehendakkan supaya bumiputra ini mengecap sedikit sebanyak hasil daripada kemerdekaan negeri ini. Kita sudah mencapai kemerdekaan setelah kita melawan Inggeris dahulu bermati-matian, tetapi tidak dapat hasil, kita ini adalah macam lembu di tengah padang. Padang itu penuh dengan rumput tetapi lembu kurus. Doktor mengatakan apa fasal

lembu ini kurus, penyakitnya tidak ada, badannya sihat tetapi apakah penyakitnya, ulatkah ada dalam badannya? Tetapi dia tidak tahu, iaitu lembu ini terikat. Macam mana lebar padang pun tetapi kalau terikat, bagaimana. Dengan sebab itu, kalau misalnya Kerajaan betul-betul hendak menolong bumiputra hal ini mesti ditengokkan. Bukan salah Kerajaan, tetapi hal ini yang mesti ditengok supaya Dasar Ekonomi Baru ini jangan menyeleweng dan jangan sekali-kali merampas harta orang, itu salah dari sisi ugama dan juga undang-undang, dan kita berkehendakkan kerjasama daripada semua dalam negeri ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kerajaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya beri ingatan sahaja tentang masa Yang Berhormat!

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: 10 minit lagi boleh?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berhubung dengan Bahasa Kebangsaan. Saya ingat kita duduk dalam negeri ini, kita bertutur dalam Bahasa Kebangsaan selain daripada orang yang bersekolah Inggeris baharu dapat bertutur bahasa Inggeris. Dalam negeri ini penuh dengan orang Melayu, orang China dan orang India tentulah Bahasa Kebangsaan itu dipakai sehari-hari dengan tidak ada paksaan sebab Bahasa Kebangsaan adalah penting. Dalam perlembagaan kita bahasa yang penting dalam negeri ini ialah Bahasa Kebangsaan untuk menyatu padukan rakyat, baik orang China, orang Melayu dan India dengan tidak payah dipaksa. Kalau dipaksa samalah macam sewaktu Jepun dahulu dipaksa belajar bahasa Jepun.

Kita duduk dalam sebuah negeri yang berdemokrasi, tidak ada siapa paksa warganegara kita mesti belajar. Tetapi jangan difikirkan Bahasa Kebangsaan—Bahasa Melayu itu bahasa Red Indian. Ada setengah-setengah orang memikirkan aku ini tidak belajar Bahasa Kebangsaan tidak ada apa-apa sebab valuenya tidak ada. Mereka ini memikirkan harganya tidak ada. Apa valuenya, hendak baca buku yang tebal-tebal yang ada ilmu tidak ada, yang beriktisad tidak ada, sains pun tidak ada apa gunanya

hendak dibaca buku-buku ini. Kalau hendak berniaga menggunakan tulisan apa pun boleh. Jadi difikirkan oleh mereka yang tidak mahu belajar, tidak guna belajar Bahasa Kebangsaan. Tidak payah belajar di TV, siapapun tidak mahu ikut, tetapi dua tiga Ahli Yang Berhormat ini hendak ikut bolehlah, tetapi yang banyaknya tidak suka dengarpun. Kalau hendak dari hati. Tuan Yang di-Pertua.

Kalau sudah menjadi bangsa Malaysia terpaksa belajar. Saya sebagai orang Malaysia boleh berbahasa China, Jerman, Inggeris, Jepun dan Eskimo. Lebih banyak bahasa lebih baik tetapi bahasa yang penting untuk digunakan hari-hari dan untuk menyatu-padukan rakyat mestilah Bahasa Kebangsaan. Tetapi sayang sekali yang kita sudah duduk berpuluh-puluh tahun, kita sudah hidup cukup lama, beranak-pinak dan bercucu-cicit, berkampung-halaman di sini Bahasa Kebangsaan tidak digunakan. Satu tauladan yang terang kita di Dewan ini pun, setengah-setengahnya, tidak boleh bertutur Bahasa Kebangsaan yang mana kita katakan kita anuti dan ada dalam Perlembagaan mengatakan 10 tahun selepas merdeka bahasa Inggeris bukan bahasa utama lagi. Saya pandai berbahasa Inggeris, saya tidak hendak bercakap bahasa Inggeris sebab saya utamakan Bahasa Kebangsaan.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu sendiri bahasa di rumahnya menggunakan bahasa Inggeris: mama, papa, darling—meluat kadang-kadang kita dengar (*Ketawa*). Saya tidak mengatakan orang China, orang India tetapi orang Melayu sendiri. Dia fikir bahasa Inggeris itulah bahasa yang dia boleh hidup. Dalam Dewan ini ada Yang Berhormat minta izin Tuan Yang di-Pertua bercakap dalam Bahasa Inggeris. Kalau sayalah, saya ambil pisau potong perutnya macam Jepun, (*Ketawa*) sebab dalam Perlembagaan kita mengatakan 10 tahun selepas merdeka, bercakaplah Bahasa Kebangsaan, tetapi tidak mahu, sebab apa, kerana tidak mahu dipelajari, walhasil hari-hari bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini kalau hendak bercerita begini boleh panjang juga, tetapi saya memikirkan saudara-saudara saya yang banyak ini dan saya pun kasihan Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*), saya berilah peluang kepada orang lain. Saya ucapkan

terima kasih banyak-banyak kerana sabar mendengar ucapan saya dan saya menyokong usul ini.

5.30 ptg.

Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong bersama-sama rakan-rakan saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi mencemarkan diri Baginda datang ke Parlimen yang bertuah ini menyampaikan Titah Ucapan Baginda.

Saya sudah teliti Titah Ucapan Baginda itu dan saya rasa sangat-sangat penting (very important). Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Titah Ucapan Baginda di muka 2:

“Walaupun taraf kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan keseluruhannya adalah tinggi.....tanahair”.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji atas Titah ini tetapi saya suka memberitahu Kerajaan, dengan Titah sahaja tidak cukup, kita mahu Titah Baginda itu dilaksanakan. Pelaksanaan inilah yang perlu, bagaimana Kerajaan hendak melaksanakannya jikalau kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak cukup. Kita tahu tiap-tiap Kementerian telah diuntukkan perbelanjaan tiap-tiap tahun. Begitu juga Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi siapa yang akan menjalankan kerja-kerja atau tugas-tugas ini?

Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya Rancangan Malaysia Yang Ketiga berjaya, kita mahulah menambah pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan Kerajaan di Kementerian-kementerian dan di tiap-tiap Kerajaan Negeri. Kita mesti mengambil sebanyak 50,000 pegawai-pegawai tinggi dan juga pegawai-pegawai rendah di seluruh negara. Kalau kita tidak ambil 50,000 orang kakitangan semuanya, saya percaya Titah Tuanku itu akan tinggal dititah sahaja. Tiap-tiap kali kita bersidang di Senate ini, semua Ahli-ahli Yang Berhormat memuji apa-apa sahaja yang Kerajaan hendak buat tetapi perlaksanaannya lambat (very slow). Sebab apa?—kakitangan-kakitangan Kerajaan di seluruh Kementerian-kementerian dan di seluruh Kerajaan-kerajaan Negeri tidak cukup untuk melaksanakannya. Saya mengulangi sekali lagi, kalau Rancangan Malaysia Ketiga hendak berjaya

dan terlaksana, kakitangan-kakitangan Kerajaan mesti ditambah dengan segera. Saya boleh beri 5,000 orang bekas-bekas perajurit yang muda-muda dan berkelulusan dari tentera yang boleh buat bermacam-macam pekerjaan seperti kerani, typist dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk lagi dalam muka 2, perenggan 3:

“Sebagai satu lagi usaha ke arah membasmi kemiskinan dan mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh kaum belia, satu Dasar Pertanian Negara yang baru sedang dibentuk. Adalah diharapkan bahawa dasar pertanian baru ini akan menjadi panduan,”

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja balik dari Moscow dan saya telah dibawa melawat rakyat Russia bertani iaitu di Republic of North Ossetia, 1,000 batu dari Moscow. Di sini saya nampak Kerajaan Russia banyak tanah dan dibahagi-bahaginya tanah itu; 1,000 ekar untuk tanaman jagung, 1,000 ekar untuk tanaman ubi kentang, 1,000 ekar untuk tanaman bawang besar dan begitulah seterusnya dan mereka panggilkan “collective farming”. Untuk rakyat kita di sini, saya percaya kita boleh ambil contoh petani-petani di Russia. Kita banyak tanah di Pahang, kita ambil 5,000 ekar hutan di negeri Pahang itu dan dibersihkan dan ditanam 1,000 ekar ubi kentang, 1,000 ekar bawang besar, 1,000 ekar cili, 1,000 ekar jagung dan 1,000 ekar yang lain-lainnya termasuk sayur-sayuran. Kalau kita buat ini, segala harga sayur-sayuran akan murah. Orang-orang muda (belia dan beliawanis) akan dapat kerja. Kita tidak mahu lagi mengimport barang-barang makanan harian dari luar negeri.

Kementerian Pertanian mesti mencuba, tanam barang-barang makanan yang kita import itu, ditanam di negara kita sendiri. Pada masa ini saya perhatikan di negara kita ini yang dijaga oleh Kementerian Pertanian; balik-balik padi, selain daripada itu tidak diambil indah langsung. Jadi saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya diambil hutan di Pahang dan ditanam barang-barang makanan yang diimport itu ditanam di negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk lagi di muka 2 juga, perenggan 4 berkenaan dengan dadah. Tuan Yang di-Pertua, pada

pendapat saya Kerajaan kita tidak tegas (our Government is not firm) mengenai hal dadah ini. Kita dapat tahu sudah banyak pengedar-pengedar dadah ini ditangkap, tetapi undang-undang kita yang kita telah putus dalam Senate yang bertuah ini kita tidak jalankan. Kita telah memutuskan siapa-siapa yang ditangkap mengedarkan dadah, hukumannya ialah hukuman gantung. Tetapi apa yang kita buat sekarang? Kita dapat tangkap, kita beri mereka makan kenyang-kenyang hingga buncit perut mereka, undang-undang tidak kita jalankan. Apa yang sudah jadi sekarang ialah 160,000 pemuda-pemuda Melayu, anak-anak Melayu yang menghisap dadah tiap-tiap hari. Siapa yang susah? Ibu bapa mereka. Kain baju, kasut, jam tangan, beg tangan, stokin, minyak, beras, habis dicuri oleh anak-anak mereka untuk membeli apa? Untuk membeli dadah. Orang yang mengedar dadah senang-lenang dalam jel. Sekarang Kerajaan tubuhkan pula PEMADAM, minta duit daripada orang ramai, walhal orang ramai especially in Kuala Lumpur, sudah fed up dan frust, dengan bermacam-macam derma, derma untuk Scout, derma untuk anak-anak yatim, derma untuk Red Cross dan bermacam-macam derma. Sekarang tiba pula PEMADAM, minta derma juga daripada rakyat yang ada di Kuala Lumpur ini sebab hendak membeli ubat untuk mengubati anak-anak Melayu yang menghisap dadah. Tetapi orang yang mengedar dadah senang-lenang dalam jel dengan diberi makan kenyang-kenyang.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada perkara pasukan keselamatan kita. Saya merayu kepada Kerajaan supaya ditambah lagi berpuluh-puluh ribu askar kita, di tiap-tiap negeri kita mesti ada 10,000 askar dan 10,000 polis. Tujuan saya bukan sahaja memberi pekerjaan kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita tetapi sekarang ada askar-askar datang berjumpa dengan saya, sebab saya adalah seorang daripada ex-service, kata mereka: Kami baru sahaja balik, baru sahaja keluar daripada hutan 3 hari, belum sempat saya hendak berseronok-seronok dengan isteri dan anak-anak kami, sudah dihantar pula masuk hutan mencari penganas. Kalau ada 10,000 askar di tiap-tiap negeri, kita boleh gantikan 5,000 orang untuk masuk hutan dan 5,000 orang untuk rehat dan digilir-gilirkan. Begitu pula polis 5,000 orang duty siang dan 5,000 orang duty malam. Kita tidak mahu lagi mereka

bertugas siang malam. Saya tahu Kementerian akan jawab: Kita tidak ada wang. Tetapi beliau dan Kementerian, tidak tahu beribu-ribu pemuda dan pemudi tidak bekerja sekarang di tiap-tiap kampung, pekan dan negeri, menyusahkan ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula dalam bidang luar negeri. Saya merayu kepada Kerajaan kita bukan sahaja bersahabat dengan ASEAN, tetapi kita mesti membuat persahabatan dengan negara-negara yang ada dutanya di negeri ini yang dinamakan Friendship Society. Setahu saya baru ada tiga negeri kita mengadakan (Friendship Society) iaitu dengan Amerika, India dan Germany. Kalau kita ada Friendship Society iaitu persaudaraan persahabatan dengan tiap-tiap negara yang ada dutanya di sini, kita boleh menghantar orang-orang kita ke negara-negara yang kita ada persatuan persahabatan itu. Kita akan tahu kemajuan-kemajuan yang ada di negara-negara persahabatan itu. Saya juga ada bertujuan hendak mengadakan persatuan bekas-bekas perajurit ASEAN tetapi belum sempat lagi hendak membawa di dalam mesyuarat Exco Bekas-bekas Perajurit Malaysia. Baru-baru ini satu lawatan ke negara kita dibuat oleh Perdana Menteri Vietnam pada 12 Oktober, 1978 yang lalu; ini menunjukkan kejujuran kita (we are honest) kepada negara-negara ASEAN. Apa yang kita mahu seboleh-bolehnya negeri China, Korea Utara dan Korea Selatan akan mencampuri ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua yang akhir dalam Titah Ucapan Baginda itu, Baginda Tuanku meminta rakyat negara yang berbilang kaum di negara ini bersatupadu. Di dalam pendapat saya inilah yang sangat susah hendak dilaksanakan. Selepas pilihanraya yang lepas, orang-orang Melayu tidak bersatu, bercakaran sama-sama Melayu, begitu juga orang-orang China dan orang-orang India, bercakaran sama-sama mereka. Sebab apa kita orang-orang Malaysia ini tidak boleh bersatu? Kita terlampau banyak parti (too many parties), terlampau banyak bahasa (too many languages) dan terlampau banyak agama (too many religions). Orang Melayu ada lima agama mereka; Islam—orang Melayu, Qadiani—orang Melayu, Taslim—orang Melayu, Syuhud—orang Melayu dan ilmu tiru-tiruan—orang Melayu dan bermacam-macam sekolah. Kalau kita hendak bersatu kita mesti sedia dipanggil orang Malaysian.

Melayu, China, India digunakan di dalam rumah sahaja. If we want to be united, as the wish of His Majesty, in his speech, we, everyone of us, must be prepared to be called Malaysian, not as Melayu, as Chinese or as Indian. The word Melayu, Chinese or Indian, should be used at home only. Once we step out from our house, we are Malaysian not as Melayu, not as Chinese and not as Indian. Kita mesti cinta mencintai antara satu sama lain. (we must love each other). Kita mesti ada inter-marriage. Bahasa kita mesti satu, pakaian kita sama. Sekarang Melayu pakai lain, orang China pakai lain, orang India pakai lain, macam mana kita hendak bersatu? Itulah sebabnya saya katakan inilah satu perkara yang susah dilaksanakan. It is very difficult to unite the people in this country, because we do not love each other. We should live as brothers and sisters according to Quran and the Bible.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya berkenaan dengan Titah Ucapan Baginda yang kita kasihi ini. Walau bagaimanapun, saya merayu marilah kita bersatu-padu supaya negara kita aman dan makmur dan mari kita berdoa kepada Tuhan (we pray to God) supaya perkara-perkara yang kita tidak ingini jangan berlaku di negara kita. Kita semuanya mesti ada tolak ansur, we must have give and take, then we can live happily in this world. Kalau kita hidup di dunia ini dengan bersatu-padu, we live as brothers and sisters insya Allah, in the next world we can live happily.

Itulah sahaja pandangan saya.

5.40 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang di dalam menjunjung tinggi Titah Ucapan di-Raja. Oleh itu saya hendak menyentuh satu dua perkara di dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada waktu membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelima yang diadakan pada 9hb Oktober, 1978, Baginda telah membuat seruan kepada semua rakyat berbilang keturunan di dalam negara kita ini, berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegara Malaysia. Ini merupakan seruan yang menyedarkan. Sebaliknya, kalau di kalangan rakyat kita kekurangan semangat perpaduan, susahlah bagi mereka untuk menikmati kemajuan hasil dari perkembangan di bidang sosial, ekonomi dan politik. Untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu, toleransi dan persefahaman patut dipupuk dan dikekalkan. Inilah satu-satunya jalan yang boleh kita semua bekerjasama untuk mencapai cita-cita murni kita. Malahan dengan adanya pemimpin negara yang jujur dan berdedikasi serta bertambah dengan perasaan patriotik dari rakyat, barulah negara kita dapat maju ke arah yang aman damai, harmoni dan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan negara kita adalah sangat unik. Boleh dikatakan di dunia ini tidak ada sebuah negara pun mempunyai sedemikian banyak kaum yang setiap kaum itu berlatar belakang tradisi, agama dan kebudayaan yang berbeza sekali. Kita tidak patut kerana kepercayaan politik atau di bawah nama agama atau pun untuk kepentingan sesuatu kaum telah mengambil tindakan yang akan menjejaskan keharmonian di kalangan rakyat, melainkan segala yang kita buat harus kita selalu ingat demi untuk perpaduan. Pada dewasa ini, perkara pertama bagi Parlimen kita ialah untuk memimpin dan membimbing rakyat kita dalam keadaan yang berbelah bagi ini dapat pupukan konsep negara supaya mereka semua bertindak sebagai rakyat Malaysia sehingga dapat mencapai sebuah negara yang benar-benar bersatu-padu. Dengan kata lain, kalau tidak dapat mencerminkan keadaan perseimbangan di kalangan berbilang keturunan di negara kita, apa pembangunan pun, di bidang ekonomi dan pendidikan itu tidak akan bermakna, kerana berikutan daripadanya masalah sosial akan melebihi pencapaian kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Haniff bin Omar, pernah membuat pengumuman bahawa kes-kes penjenayahan yang berlaku di negara kita ini ada 40.5% dilakukan oleh penagih-penagih dadah. Disebabkan oleh bilangan penagih dadah yang bertambah hebat, ia telah menjadi suatu masalah sosial, terutamanya di bandaraya-bandaraya perkara ini lebih ketara. Menurut laporan beliau, di seluruh Malaysia dewasa ini, lebih kurang ada di antara 70,000 hingga 100,000 orang terlibat

dalam penagihan dadah. Dari itu, masalah ini sekarang semakin hari semakin serius di negara kita. Kalau Kerajaan tidak mengambil tindakan yang sewajar untuk mencegahnya, maka beribu-ribu muda-mudi pasti akan terjerumus dalam lembah ini dan masa hadapan mereka akan jadi gelap. Pada hakikatnya orang-orang yang terlibat dalamnya tidak lain dan tidak bukan sama seperti membunuh diri dan ia membawakan masalah sosial juga. Masalah-masalah penjenayahan, pelacuran, penceraihan, keciciran dan perkhidmatan dari pegawai-pegawai Kerajaan dan badan-badan swasta kurang memuaskan; semua ini berkaitan secara langsung dengan masalah penagihan dadah. Terjadinya masalah-masalah tersebut adalah hasil daripada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh penagih-penagih dadah yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penghapusan penagihan dadah dan pencegahannya, Kerajaan patutlah mengadakan hukuman yang keras supaya secara berkesan aktiviti-aktiviti pengedarannya dikawal dan ditambah dengan pemeriksaan yang rapi, saya yakin dengan langkah ini bekalannya boleh diperhatikan. Menghapuskan penagih-penagih dadah hanya merupakan langkah yang negatif, tetapi penghapusan bekalannya merupakan tindakan yang positif. Saya harap selain daripada Kerajaan boleh mengambil tindakan yang berkesan dari segi undang-undang, lebih mustahak ialah kita harus berusaha untuk menggalakkan orang ramai memberi sokongan kerjasama dan maklumat supaya aktiviti-aktiviti pengedarannya dapat dikikis sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada dewasa ini lebih kurang bilangan guru sementara ada 1,344 orang. Oleh kerana untuk mendapat peluang berlatih, mereka telah mengadakan tunjuk perasaan secara damai di Kuala Lumpur baru-baru ini. Kita merasa ber-sympati dengan para guru sementara yang berada dalam keadaan ini. Sebagai seorang guru sementara, maka pekerjaan mereka masih belum ada perlindungan. Kalau pekerjaan seseorang belum tetap, maka bila-bila masa dia akan dibuang kerja. Mereka yang berada dalam keadaan ini, pasti sahaja mereka selalu bimbang dan gelisah. Ini bukan soal peribadi, melainkan ia merupakan masalah sosial sebab setiap orang berkehendakkan pekerjaan. Dalam badan kerajaan ataupun syarikat swasta, semua

harap kakitangan-kakitangannya dapat menjalankan tugas dengan sungguh-sungguh, tetapi sebaliknya, pihak majikan atau badan-badan tertentu hendaklah memberi layanan yang adil dan perlindungan dari segi pekerjaan juga. Ini patutlah dilakukan secara setimpal dari dua belah pihak.

Dalam keadaan ini, saya rasa tuntutan kaum guru sementara adalah adil dan saksama. Apa yang mereka tuntutan itu ialah hendak mendapat satu pekerjaan tetap supaya masa hadapan mereka tidak terancam dan menganggur sahaja. Tambahan pula, pada masa sekarang ini negara kita sedang kekurangan tenaga guru untuk menciburkan diri dalam bidang pendidikan. Pendidikan telah merupakan satu masalah rumit. Kalau masalah guru sementara dibiarkan berterusan dan tidak diatasi, pihak Kerajaan mahu mereka mengajar dengan dedikasi pula, saya rasa dari segi per kemanusiaan adalah sangat tidak berpatutan. Dengan tindakan tersebut, mereka harap langkah ini dapat menarik perhatian Kerajaan agar tuntutan mereka boleh diselesaikan secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sekali lagi Usul yang dibuat oleh rakan saya dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid.

5.50 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berucap untuk menyokong Titah Ucapan di-Raja pada 9hb Oktober, 1978 yang baru lalu.

Saya tidak banyak hendak mengulaskan perkataan-perkataan di dalam Titah Ucapan ini, cuma saya dua perkara sahaja yang saya ingin sentuh.

Di dalam Titah Ucapan di-Raja itu saya ingin menyentuh mengenai dengan meninggikan taraf hidup rakyat di dalam negara ini. Saya adalah mewakili kumpulan yang kecil. Pada hari semalam Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi taklimat di dalam Pejabat Menteri Kewangan, beliau ada mengatakan beliau tidak menggalakkan untuk membantu ataupun menolong kumpulan yang kecil. Jadi di sini saya merasa

susah, terkejut dan risau dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu saya sangat tertarik hati. Sudah 20 tahun saya duduk di dalam Dewan ini, begitu juga keadaannya, lebih laju semut berjalan daripada rancangan Kerajaan sekarang ini. Dengan sebab itu saya tidak berapa puas hati. Saya ingin bertanya di bahagian manakah Menteri Kewangan akan menyelenggarakan orang Asli ini, adakah termasuk di dalam bahagian bumiputra ataupun di mana? Apa yang saya perhati, orang Asli ini ada sebilangan yang kecil sahaja terutamanya di negeri Kelantan. Di negeri Kelantan yang saya tahu daripada masa penjajahan dahulu, 100 ekar tanah telah diuntukkan untuk penempatan orang Asli, tetapi di dalam negeri lain saya tengok banyak terutama sekali di Pahang, Perak dan Johor dan dalam pada itu saya tidak berapa puas hati.

Malaysia sekarang sedang dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi bagi orang Asli, rancangan di peringkat pertama pun belum selesai lagi, rumahnya masih belum berubah, cara hidupnya pun masih belum berubah dan mereka ini masih tinggal di dalam hutan tebal lagi. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kerajaan atau Kementerian yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan seberapa cepatnya kedudukan orang asli ini, jangan ditohmahkan mereka itu mengikut komunis dan sebagainya. Bagaimana mereka tidak mengikut dan membantu komunis kerana mereka tinggal di dalam hutan yang tebal dan jauh seperti di sempadan Siam, sempadan Kelantan. Di sana mereka ini kononnya menjadi jalan atau track komunis seperti di sempadan Siam dan sempadan Kelantan dengan Perak. Jadi orang Asli sekarang ini kononnya hendak dipindahkan ke dalam hutan, bukan hendak dipindahkan ke tepi pinggir atau bandar, malah hendak ditempatkan di antara Grik dengan Sungai Siput di tengah-tengah hutan Air Dalar namanya, barangkali pihak military tahu, di situlah tempat komunis bermaharajalela. Pada pendapat saya kalau begitulah cadangan Kerajaan, bukannya hendak memperbaiki masyarakat orang Asli, tetapi menyusahkan. Dengan sebab itu saya berharap supaya Kerajaan berfikir dengan sebaik-baiknya. Sebagaimana yang saya ketahui daripada tahun 1950

dahulu orang Asli ini dipindahkan oleh Kerajaan ke dalam kawasan bandar Tanjong Rambutan, tetapi sekarang sudah dipotong kawasan pagarnya dan orang Asli ini dibawa balik ke dalam hutan. Di dalam hutan sana apakah yang akan terjadi? Itulah yang saya kata janganlah hendak membuat satu-satu perkara itu berfikir seorang diri ataupun dengan kebijaksanaan sendiri, kerana tidak tahu selok-belok di dalam hutan, tetapi haruslah kita berpakat dengan orang yang tahu di dalam hutan macam-mana keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Usul Terima Kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9hb Oktober, 1978 yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tan Sri Datuk Dr Sinnadurai.

5.56 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat istimewa dan sukacita kerana dapat peluang untuk berdiri berucap dalam Dewan yang mulia ini dan menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi di atas Titah Ucapan Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya sukacita mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Barisan Nasional di atas kemenangan yang gemilang dalam pilihanraya umum yang lepas dan juga kemenangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi sebagai Presiden UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya hari ini seluruh rakyat bersyukur kepada Tuhan. Negara kita perlukan orang yang berkaliiber dan faham untuk memandu dan memimpin kita semua dan negara ini. Kelebihan seorang pemimpin ialah keberanian dan kepada kita semua, beliau adalah memberi inspirasi dan kekuatan semangat. Motonya ialah "Keamanan, Persahabatan dan Kerjasama."

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai tugas-tugas yang besar pada masa hadapan dan kita harus bersama memikul tugas-tugas itu demi kepentingan bangsa dan tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang rakyatnya berbilang bangsa memanglah tiap-tiap satu kaum cuba memelihara identiti, aspirasi dan kehormatan sendiri. Tiap-tiap

rakyat jelata mempunyai cita-cita sendiri di dalam berbagai lapangan seperti pelajaran dan pekerjaan tetapi tidak mungkin dapat peluang dengan sepenuhnya. Walaupun Kerajaan mencuba melayan tiap-tiap seorang itu terutama sekali tentang mendapat tempat belajar di pusat pengajian tinggi seperti di universiti-universiti, saya berharap Kerajaan akan dapat mencari penyelesaian yang wajar dan memuaskan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan kehidupan baru kepada semua rakyat. Dalam usaha ini tentulah terdapat sedikit diskriminasi. Untuk mencari perseimbangan marilah kita berdoa supaya negara kita akan dapat mencapai satu iklim yang membawa harapan baik dalam masa yang tidak lama lagi.

Rakyat kita mesti berpegang teguh kepada dua dasar, kesetiaan dan perpaduan. Kesetiaan kepada tanahair akan menjamin pertumbuhan semangat kebangsaan yang sihat dari rakyat negeri ini dan perpaduan yang berlainan aliran di antara sesama rakyat akan menjamin keamanan dan kesejahteraan tanahair di masa yang akan datang dan juga keutuhan masyarakat Malaysia. Kita semua janganlah lupa bahawa kehidupan manusia sentiasa tidak puas hati dan penuh dengan masalah dan kecemaran. Kita bernasib baik mempunyai pemimpin-pemimpin yang jujur dan berani, ahli-ahli politik dan kaum-kaum intelek yang sedarkan masalah rakyat jelata dan menggalakkan perasaan persefahaman dan kerjasama. Ini akan menghapuskan rasa ketakutan, ketegangan dan syak wasangka. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berasa sukacita dan berpuashati melihat negara kita membuat persahabatan, bukan sahaja dengan negara-negara jiran, tetapi juga negara-negara yang jauh dari kita.

Pemimpin-pemimpin kita seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan juga ahli-ahli politik negara kita telah menjalankan usaha untuk memperkenalkan negara kita kepada negara-negara luar.

Lawatan rombongan Parlimen yang diketuai oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Syed Nasir, Speaker Dewan Rakyat, ke negeri Soviet Union baharu-baharu ini, dan saya sebagai seorang daripada ahli rombongan ini telah mendapat sambutan yang sangat memuaskan.

Ketua rombongan kita Yang Berhormat Tan Sri Datuk Syed Nasir Ismail telah membuat banyak ucapan di mana-mana tempat yang kami telah lawati. Ucapan-ucapan beliau telah disambut dengan sangat meriah oleh Pegawai-pegawai dan Pembesar-pembesar negeri itu. Kami yakin bahawa lawatan rombongan ini telah membawa kesan yang sangat baik dan berfaedah kepada negara kita.

Sebagai yang kita semua sedar bahawa Timbalan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir, yang baharu sahaja balik dari lawatannya ke Amerika dan negara-negara lain untuk maksud mendapatkan hubungan perniagaan dan penanaman modal di negara kita. Lawatan ini adalah sangat berjaya dan saya yakin dan percaya negara kita boleh memandang jauh dengan harapan yang cerah di masa akan datang.

Kita semua memanglah memerlukan kerjasama dan perpaduan rakyat di seluruh negara. Sebab itu kita sebagai warganegara yang taat setia hendaklah bersama-sama menyokong usaha Kerajaan kita untuk mencapai cita-cita ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya, saya berikrar, sungguhpun saya mewakili bilangan kaum kecil, kami akan menyumbangkan tenaga bersama-sama Kerajaan untuk mencapai cita-cita yang murni ini.

6.04 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul di atas nama Yang Berhormat Senator Tuan Joseph Unting anak Umang di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan serta melahirkan perasaan gembira dan mengucapkan terima kasih saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Titah Ucapan Baginda yang sungguh bernas kepada kedua-dua buah Dewan pada 9hb Oktober, 1978.

Dalam Titah Ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia telah menyeru kepada semua rakyat berbilang keturunan di dalam negara ini untuk memupuk perpaduan dan bersatu agar kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi, sosial dan politik akan dapat dinikmati berterusan. Dalam Titah Ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia telah juga

menekankan perbezaan dari ciri-ciri keturunan Ugama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan. Sikap toleransi perlu dikekalkan.

Baru-baru ini satu issue yang sedang hangat diperbahaskan iaitu perkara yang berkaitan dengan penolakan penubuhan Universiti Merdeka. Issue ini telah banyak diperkatakan oleh orang ramai terutama rakyat keturunan China dan issue ini telah mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang akan menetapkan satu tarikh yang belum ditentukan pada bulan Disember untuk dibahaskan di Dewan Rakyat.

Sebagaimana yang kita tahu penubuhan Universiti Merdeka ini telah lama dicadangkan, iaitu pada tahun 1969. Pada masa itu cadangan ini tidak mendapat sambutan yang begitu hangat. Mengapakah perkara ini hendak diungkit semula selepas 9 tahun berlalu? Mengikut pendapat saya, ini adalah kerana kekurangan tempat pelajaran tinggi di lima buah universiti yang berada di negara kita, yang tidak dapat menampung keperluan rakyat jelata dan telah mengujudkan satu keadaan ketidakseimbangan peluang pelajaran tinggi di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara kita. Dengan ini saya ingin menyentuh tentang masalah yang tersebut.

Semenjak Kerajaan memulakan 9 tahun pelajaran percuma di sekolah-sekolah Kerajaan, dan kesedaran ibu-bapa terhadap kepentingan pelajaran anak-anak mereka serta keperluan pelajaran tinggi bagi mendapatkan pekerjaan maka kita dapati bilangan pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan pelajaran yang lebih tinggi bertambah dari tahun demi tahun.

Memandangkan negara kita hanya mempunyai lima buah universiti pada masa sekarang, maka tempat-tempat pengajian tinggi yang dapat disediakan adalah terhad. Jadi ujud ramai pelajar-pelajar telah dinafikan peluang pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara kita.

Dengan bilangan seramai 11,938 pelajar yang layak yang memohon tempat di dalam 5 buah universiti bagi sesi 1978/1979, hanya 4,400 iaitu kira-kira $\frac{1}{3}$ sahaja yang bernasib baik. Dengan kenyataan ini memang sewajarnya ibu-bapa akan merasa bimbang akan peluang pelajaran tinggi anak-anak mereka.

Tambahan pula dengan adanya pengaruh unsur-unsur politik terhadap pengambilan pelajar, maka pembahagian tempat-tempat di pusat-pusat pengajian tinggi mengikut kaum tidak begitu seimbang di dalam negara kita. Dari bilangan 4,400 pelajar yang diambil bagi sesi 1978/1979 kita dapati pembahagiannya seperti berikut; 2,881 bumiputra (65.5%); 1,210 rakyat keturunan China (27.5%), 309 rakyat keturunan India dan kaum-kaum lain (7%). Dari angka-angka ini, maka timbullah kekhawatiran di kalangan ibu-bapa rakyat keturunan China dan India, dan perkara ini telah menjadi suatu masalah kebangsaan.

Kita tidak seharusnya mengabaikan hal ini, kita patut mengatasi masalah ini kerana ia akan mempengaruhi perpaduan rakyat dan kemajuan ekonomi negara.

Pada masa dahulu, mereka yang mampu masih mempunyai peluang melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri, tetapi dengan dasar pelajaran negara kita yang akan menghapuskan peperiksaan Malaysian Certificate of Education (M.C.E.) mulai tahun 1980, maka dengan secara tidak langsung peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri akan berkurangan. Sebagaimana yang kita tahu, negara-negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada telahpun mulai menghadkan jumlah bilangan pelajar Malaysia yang akan belajar di negara-negara yang berkenaan. Dengan keadaan ini mereka yang mampu juga sekarang ini mula merasa bimbang akan peluang-peluang pelajaran tinggi anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenyataan-kenyataan yang tersebut di atas, maka telah nyata bahawa lima buah universiti yang kita ada sekarang ini tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Kebimbangan ibu-bapa kaum China dan India patut diberi perhatian berat dan patut mengkaji cara-cara untuk mengatasi kebimbangan itu supaya tiap-tiap rakyat mempunyai hak serta peluang untuk melanjutkan pelajaran. Dengan ini mereka akan dapat menunjukkan bakat dan kemampuan mereka dalam berbagai bidang supaya mereka dapat berkhidmat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, pelaburan bagi pelajar merupakan suatu pelaburan yang amat baik dan akan menguntungkan negara. Kita harus mengkaji dengan teliti akan dasar pelajaran

tinggi dan haluan perkembangan pelajaran tinggi di negara kita berdasarkan kepada perkara-perkara yang berikut:

- (1) sama ada baik kita menambahkan bilangan universiti di negara kita?
- (2) sama ada kita patut memperbesarkan lima buah universiti yang ada bagi menambahkan peluang pelajaran tinggi kepada rakyat yang layak?
- (3) sama ada kita patut menggalakkan penubuhan universiti swasta yang berdasarkan Akta Universiti dan Universiti Kolej, 1971 untuk membantu Kerajaan menyediakan lebih banyak peluang pelajaran tinggi supaya semua rakyat mempunyai peluang yang saksama untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi?
- (4) sama ada kita patut mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat pengajian teknikal dan pertanian untuk melatih lebih ramai lagi pekerja-pekerja mahir atau separuh mahir kerana mereka ini sangat-sangat diperlukan oleh negara kita yang sedang membangun?
- (5) sama ada dasar pengambilan pelajar untuk pusat-pusat pengajian tinggi patut berdasarkan kepada kelulusan akademik dan seboleh-bolehnya mengelakkan pengaruh-pengaruh politik. Jika tidak, kita patut mengambil pelajar berdasarkan kepada komposisi kaum di dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit dalam masalah rumah haram. Sebagaimana kita tahu baru-baru ini selalu tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai tindakan meroboh rumah haram oleh pihak Kerajaan Tempatan terutama di negeri Johor, di Negeri Sembilan dan lain-lain negeri juga. Mengikut berita, kebanyakan daripada rumah-rumah haram yang terlibat sudah lama didirikan dan diduduki oleh tuannya. Rumah-rumah tersebut adalah tempat perlindungan bagi keluarga mereka dan tiba-tiba dirobah dan dimusnahkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kita semua berasa sedih dan simpati kepada mereka yang terlibat dan di atas dasar peri kemanusiaan, kita berharap pihak-pihak yang berkenaan hendaklah terlebih dahulu

meneliti dan mengkaji tentang masalah sosial yang akan timbul sebelum sesuatu tindakan itu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya, pembinaan rumah haram ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti di bawah ini:-

- (1) Ramai rakyat di negeri kita ini tidak mempunyai tanah tapak rumah sendiri, lebih-lebih lagi penduduk di kawasan-kawasan bandar.
- (2) Bilangan yunit rumah murah yang dibina oleh pihak Kerajaan adalah terhad dan tidak dapat menampung keperluan rakyat yang dahagakan rumah kediaman sendiri.
- (3) Proses memecah geran tanah atau menukar syarat tanah adalah mengambil masa yang terlalu panjang.
- (4) Rumah-rumah yang dibina oleh pihak pemaju-pemaju rumah adalah terlalu mahal dan rakyat yang miskin tidak mampu membelinya.

Dari sebab-sebab seperti yang saya sebutkan di atas ini, maka kita semua tahu di mana-mana sahaja ada rumah-rumah haram mahupun di bandar Kuala Lumpur atau di bandar-bandar lain di negara kita. Masalah rumah haram boleh dikatakan adalah satu masalah sosial yang telah lama wujud di negara kita dan untuk mengatasi masalah ini saya suka mengesyorkan beberapa cadangan dan pandangan untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Yang pertama, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan atau, seperti digelar pada masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah mengambil inisiatif yang lebih berkesan untuk membina lebih banyak rumah-rumah kos murah atau flat-flat di bandar-bandar besar maupun di bandar-bandar kecil di mana kebanyakan penduduknya tidak mempunyai tanah sendiri.

Yang kedua, pejabat-pejabat Tanah dan Galian hendaklah mencari jalan supaya melonggarkan syarat-syarat dan mempercepatkan proses permohonan-permohonan untuk memecah geran tanah dan menukar syarat kegunaan tanah bagi mereka yang mohon untuk membina rumah kediaman persendirian.

Yang ketiga, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) patutlah ditugaskan hanya membina rumah-rumah murah atau fiat-flat untuk dijual kepada rakyat yang miskin dan tidak mempunyai rumah sendiri.

Yang keempat, sekiranya didapati rumah-rumah haram dibina di mana-mana tempat pihak yang berkuasa atau pihak Kerajaan Tempatan hendaklah mengambil tindakan lebih awal supaya perbuatan pembinaan rumah haram ini dapat diberhentikan.

Yang kelima, kepada rumah-rumah haram yang telah lama dibina dan diduduki oleh tuannya pihak berkuasa patut memberikan satu masa yang cukup untuk membolehkan penghuni-penghuni yang berkenaan pindah ke lain tempat dan memberikan sedikit sebanyak peruntukan untuk belanjawan pindah rumah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, punca masalah rumah haram ini ialah disebabkan kekurangan rumah kediaman dan disebabkan juga kekurangan tanah-tanah tapak rumah mahupun di bandar-bandar besar atau bandar-bandar kecil. Sekarang tibalah masanya bagi pihak Kerajaan mengkaji sama ada baik Seksyen 43 Kanun Tanah Negara diubah untuk mengharamkan orang-orang asing memiliki tanah di dalam negara kita tanpa mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Dengan adanya sekatan ini maka kita akan dapat mempertahankan tanah-tanah perumahan atau tanah pertanian tidak dapat dimonopolikan oleh orang-orang asing.

Dasar-dasar tanah di negara kita ini patut juga diubahsuaikan mengikut kehendak zaman, luasan tanah hakmilik bagi seseorang dan juga syarikat-syarikat hendaklah dihadkan. Dengan cara ini kita akan dapat menyekat melambungnya harga-harga tanah kediaman yang telah melambung tinggi dari setahun ke setahun dan mengakibatkan kos-kos rumah kediaman yang dibina juga meningkat naik, sehinggakan rakyat miskin tidak mampu membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga menyentuh sedikit tentang taraf kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan. Dalam Titah Ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia telah menyeru kepada seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya menyesuaikan diri dengan perubahan sistem dan peralatan jentera Kerajaan yang akan dilakukan serta

berkhidmat dengan penuh semangat dan kebanggaan untuk kejayaan dan kesejahteraan tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun taraf kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan keseluruhannya adalah tinggi tetapi masih terdapat ramai kakitangan Kerajaan mempunyai sikap tidak peduli dan mengakibatkan mutu Perkhidmatan Awam seperti L.L.N., Talikom, Bekalan Air, Keretapi Tanah Melayu, Pejabat Tanah dan lain-lain Jabatan Kerajaan merosot dari tahun demi tahun.

Baru-baru ini mengikut berita, Lembaga Disiplin Keretapi Tanah Melayu telah mengambil tindakan terhadap 1,600 pekerjaannya yang menyeleweng tanggungjawabnya. Kita mengalu-alukan tindakan tegas dan berani yang telah diambil oleh Pengarah Keretapi Tanah Melayu itu dan kita patut mengucapkan syabas kepada beliau. Kita berharap dengan adanya tindakan ini, mutu perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu akan dapat dipulih semula.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17hb Ogos tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa merasmikan Pusat Komputer di Bilik Gerakan Negara, beliau telah berterus terang memberitahu kepada semua kakitangan Kerajaan yang tidak sedia memberi dedikasi dan khidmat kepada rakyat supaya mengundurkan diri daripada Perkhidmatan Kerajaan. Beliau juga mahu setiap tenaga dalam perkhidmatan Kerajaan melaksanakan segala objektif Kerajaan selaras dengan cara-cara yang telah ditentukan dan tidak hanya menurut pendapat dan nilai kakitangan Kerajaan sendiri. Pesanan-pesanan ini hendaklah menjadi satu panduan kepada semua pegawai dan pekerja Jabatan Kerajaan.

Saya menyeru kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan supaya mengikut jejak langkah Pengarah Keretapi Tanah Melayu memperbaiki mutu perkhidmatan jabatan masing-masing untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya sekali lagi menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang.

6.22 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong usul yang dikemukakan

oleh sahabat saya Tuan Joseph Unting anak Umang bagi melafazkan ucapan terima kasih kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah kepada kedua Dewan Parlimen.

Banyak telah diperkatakan di dalam Dewan ini baru sebentar tadi dan juga pada hari semalam berkenaan dengan tugas pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau tak ada orang yang hendak membela mereka biarlah saya cuba menjadi juara bagi mereka. Bagi kita memarahkan mereka memang senang, tetapi kalau kita sedari bahawa banyak rancangan-rancangan yang terpaksa kita laksanakan kita memerlukan khidmat mereka. Kalau tak salah saya lebih kurang 40,000 lagi jawatan yang belum dipenuhi. Kalau angka yang begitu banyak itu masih berkekalan saya tak tahu bagaimana kita hendak mengekalkan ataupun memperbaiki kedudukan sekarang ini. Kita sedar pegawai-pegawai Kerajaan kita terdiri daripada generasi muda; mereka telah mengambilalih daripada pegawai-pegawai penjajah dahulu. Dan kalau kita pandangan sebahagian daripada pegawai-pegawai kita, kita nampak mereka menjalankan tugas lebih daripada apa yang patut dijalankan; seseorang pegawai itu menjalankan sampai tiga empat tugas yang biasanya dahulu dijalankan oleh berpuluh-puluh pegawai penjajah. Ini hakikat tak boleh kita hendak ketepikan. Ini adalah kenyataan. Apa yang perlu dan apa yang boleh kita buat ialah menyarankan supaya pengambilan, latihan serta kemudahan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini berpatutan.

Tidak berapa lama dahulu di Dewan yang mulia ini kita telah membahaskan berkenaan gaji mereka. Kalau dibandingkan dengan gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja swasta sudah tentu tak ada bandingnya. Pegawai-pegawai yang cekap yang kita mahu menduduki jabatan-jabatan penting, bila

ditawarkan oleh swasta dengan gaji yang lumayan mereka meninggalkan jawatan Kerajaan dan beralih kepada swasta. Ini juga kita tidak ingini. Bagi kita menjayakan negara kita memerlukan bukan sahaja tenaga di dalam swasta, tetapi yang lebih-lebih lagi dewasa ini tenaga-tenaga di dalam Kerajaan. Sebaik mana sekalipun kita menyediakan rancangan, sebaik mana sekalipun dasar Kerajaan, dasar itu tidak boleh dilaksanakan tanpa kerjasama pegawai-pegawai Kerajaan dari peringkat atas sehinggalah peringkat rendah.

Di sinilah saya suka mengulas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan peranan pegawai Kerajaan. Patut sangat kita mengkaji sedalam-dalamnya kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan kita. Saya percaya kita di pertengahan jalan dalam masalah ini oleh kerana ramai pegawai-pegawai yang telah diambil adalah di dalam lingkungan muda. Ini tidak bermakna mereka tidak mempunyai semangat, tetapi mungkin apa yang kekurangan ialah dari segi pengalaman mereka dan pengalaman tidak boleh dibeli, tidak boleh disingkatkan, tidak ada short cut berkenaan dengan masalah pengalaman. Di sinilah patut pemikir-pemikir kita menghabiskan sedikit masa untuk menentukan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Kita hendak marah sahaja kepada mereka, saya fikir tak sesuai, hendak marah itu memang senang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh menyambung ucapan hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok 25hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.